



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

Jilid III

Bil. 22

Hari Isnin

27hb Disember, 1993

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 2)

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (Ruangan 41)

DN.27.12.93

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 27hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Tang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

"23hb. Disember, 1993.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1993;
2. Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan) 1993;
3. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1993;
4. Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1993;
dan
5. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1993.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**KASET LAGU POP LUCAH - PENCEGAHAN**

1. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Nenteri Penerangan menyatakan berapa banyakkah kaset-kaset lagu pop yang mengandungi unsur-unsur lucah yang ada dalam pasaran. Jika benar kaset seperti itu terus diedarkan kepada rakyat jelata; apakah tidak ianya membawa kesan negatif ke arah kecenderungan hidup menghisap dadah dan melakukan jenayah seks tanpa kawalan di kalangan rakyat lain yang akan menghalang tercapainya objektif Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan kaset-kaset lagu pop yang mengandungi unsur-unsur lucah yang ada dalam pasaran, kerana kawalan bagi pengedaran kaset-kaset adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian

Dalam Negeri sememangnya peka terhadap masalah pengedaran kaset-kaset yang berunsur lucah dalam pasaran. Setakat ini beberapa tajuk kaset yang memudaratkan kemoralan telah pun diharamkan.

Kami difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama pihak Polis dan agensi-agensi penguatkuasa yang lain akan terus mengawasi pintu-pintu masuk ke negara ini bagi memastikan tiada kaset-kaset, lagu lucah dibawa masuk.

Di samping tindakan pengharaman, Kementerian Dalam Negeri juga telah memanggil dan memberikan peringatan kepada para penerbit dan pengedar-pengedar kaset supaya lebih bertanggungjawab dan memastikan bahawa kaset-kaset yang diedar dalam pasaran tidak memudaratkan moral masyarakat negara ini.

Oleh yang demikian, dengan adanya langkah-langkah dan tindakan serius oleh agensi dan pendidikan rohani yang sentiasa disiarkan, maka kesan-kesan negatif ke arah kecenderungan hidup menghisap dadah, melakukan jenayah seks akan terkawal demi untuk memastikan tercapainya objektif Wawasan 2020.

SUKAN KOMANWEL - PERSIAPAN

2. **Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah persiapan yang telah dilaksanakan bagi menghadapi Sukan Komanwel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, persiapan yang telah dilaksanakan bagi menghadapi Sukan Komanwel adalah seperti berikut:-

- (i) Kita telah melantik 12 Pengurue Projek secara penuh masa untuk setiap jenis sukan yang dipertandingkan. Tugas mereka ialah untuk membantu menyediakan perancangan program latihan, menyelaras aktiviti-aktiviti latihan, mengawas dan menilai keberkesanan latihan.
- (ii) Kita telah pun mengenal pasti beberapa jenis sukan yang bersesuaian dengan bentuk badan rakyat Malaysia seperti Sukan Terjun, Renang Berirama, Gimrama dan Menembak untuk dijadikan sebagai sasaran pingat. Sukan yang telah mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa seperti badminton dan skuasy juga diberi perhatian sebagai sukan berpotensi untuk meraih pingat.
- (iii) Setakat ini kita telah melantik seramai 33 jurulatih asing, 25 jurulatih sepenuh masa dan 112 jurulatih tempatan secara sambilan untuk berkhidmat dalam program latihan ke arah Sukan Komanwel.

- (iv) Kita telah mengenal pasti tiga jenis pusat latihan iaitu Pusat Latihan Khas, Pusat Latihan Cemerlang dan Pusat Latihan Negeri. Sebanyak 304 pusat latihan telah diwujudkan iaitu 17 Pusat Latihan Khas, 84 Pusat Latihan Cemerlang dan 203 Pusat Latihan Negeri.
- (v) Dari segi penyediaan atlet, pihak Majlis Sukan Negara melalui persatuan-persatuan sukan kebangsaan telah mengenal , pasti dua kumpulan atlet iaitu pertama ialah Kumpulan Teras (Core Group) yang terdiri dari kumpulan atlet-atlet yang masih berdaya mengekalkan "span of peak performance" mengikut acara-acara tertentu dan kumpulan atlet pelapis yang dijangkakan boleh mencapai tahap kematangan prestasi kemuncak (peak performance). Kedua, ialah Kumpulan Pembangunan (Development Group) yang terdiri dari atlet peringkat awal remaja atau pertengahan kanak-kanak yang boleh dimajukan melalui Program Bakat dan Tunas Cemerlang. Proses pemilihan atlet akan dilaksanakan secara tiga peringkat iaitu bermula dengan pengambilan 4,083 atlet dalam tahun 1993 dan kemudiannya pada peringkat kedua bilangan ini akan dikecilkan kepada 800 atlet pada akhir tahun 1995. Di peringkat ketiga iaitu menjelang tahun 1997 hanya 400 orang atlet akan dipilih untuk menjalani latihan sepenuhnya sehingga Sukan Komanwel 1998.
- (iv) Kem Latihan Sukan Komanwel yang pertama telah diadakan pada 22hb. hingga 28hb. November lalu di UPM meliputi 400 atlet dan 200 jurulatih dan pegawai. Kem ini bertujuan untuk menjalankan ujian anthropometrik dan kecergasan di samping memupuk semangat kenegaraan, ketahanan mental, bengkel dan klinik sukan.

- (vii) Satu Jawatankuasa Perancangan Latihan Sukan Komanwel telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan mempunyai peranan menentukan dasar-dasar latihan, perancangan dan pelaksanaan latihan, penyelarasan aktiviti latihan dan penilaian tahap keberkesanan latihan.
- (viii) Kita akan mewujudkan Institut Sukan Negara bertujuan untuk memberi khidmat yang merangkumi bidang kepakaran seperti perubatan sukan, fisiologi sukan, psikologi sukan, biomekanik dan amalan pemakanan.
- (ix) Kita sedang mengkaji sistem latihan yang diamalkan oleh negara-negara maju dalam bidang sukan untuk dijadikan panduan dalam menentukan hala cara latihan yang bersesuaian dengan suasana organisasi sukan di Malaysia.

Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. , Dari penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi jelas memperlihatkan kesungguhan yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi persediaan atlit-atlit

untuk Sukan Komanwel. Adakah dengan persiapan berkenaan, pingat-pingat yang akan diperolehi oleh atlit-atlit kita akan menyamai mutu yang diperolehi sebagaimana mutu yang telah diperolehi semasa SEA Games pada masa yang lalu? Adakah dengan adanya 'core group' dan 'development group' yang telah dirancang tadi akan benar-benar menjadikan ahli-ahli sukan ini sebagai satu kumpulan profesional yang dibayar gaji penuh agar mereka ini mempunyai komitmen yang sepenuhnya terhadap sukan dan terhadap imej negara ini kerana sukan akan menjadikan sebagai satu profesion kepada mereka itu?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, asas Kementerian Belia dan Sukan memanglah tinggi dan kita mempunyai keyakinan untuk meraih seberapa banyak pingat yang boleh dan berbekalkan dengan keyakinan-keyakinan tersebut serta disertai dengan program-program sebagaimana yang sebutkan tadi, kita yakin kita akan dapat kejayaan. Walau macammana pun, untuk makluman Yang Berhormat, memang kita tidak boleh menjaminkan kejayaan sebagaimana kita harapkan. Walau macammana pun, hasrat kita memanglah tinggi.

Mengenai soalan Yang Berhormat yang kedua, 'core group' yang kita telah kenal pasti setakat ini, Kementerian Belia dan Sukan sedang merancang bagaimana untuk menarik minat mereka, termasuklah persoalan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak disebut tentang memperbanyakkan penyertaan dalam pertandingan antarabangsa.

Sebab saya rasa kalau kita tidak menyertai pertandingan antarabangsa, sudah tentu kita tidak dapat mengukur setakat mana kebolehan atlit kita. Jadi, apakah penyertaan kerap di dalam pertandingan antarabangsa tidak merupakan persiapan kita untuk menghadapi Commonwealth Games 1998 ini?

Dato' Ismail bin Said: Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, Kita juga ada rancangan untuk memberi peluang kepada atlit-atlit Kita untuk menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa dan termasuk dalam perancangan kita. Cuma saya tidak sebut sahaja dalam program-program yang saya sebutkan sebentar tadi.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyenaraikan langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan pasukan ahli-ahli sukan bagi menghadapi Sukan Komanwel. Saya ingin tahu bagaimana pula berkenaan "dengan kemajuan yang telah dicapai setakat ini berkenaan dengan pembinaan infrastruktur seperti stadium-stadium bagi menghadapi Sukan Komanwel ini?

Dato' Ismail bin Said: Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 14 jenis sukan akan dipertandingkan di Sukan Komanwel kelak dan venue-venue yang kita akan gunakan memanglah banyak bagi tiap-tiap sukan dan di antaranya, misalnya, ialah bagi upacara akuatik, kita akan gunakan kompleks renang di Bukit Jalil. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Kompleks Sukan Bukit Jalil sedang berjalan dengan lancar pada hari ini. Demikian juga dengan venue-venue pertandingan atau tempat-tempat pertandingan yang lain, kita telah pun

mengenal-pastikan tempat-tempat ini. Misalnya, bagi hoki, kita telah pun ada Stadium Hoki; kriket - kita akan gunakan Royal Selangor Club di Kuala Lumpur; menembak - kita akan gunakan venue National Shooting Range di Subang. Jadi, venues telah pun ada, cuma apa yang kita buat, untuk makluman Yang Berhormat, ialah kita mem-pertingkat dan memperlengkapkan lagi kemudahan-kemudahan yang ada di venue-venue yang berkenaan.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah bersungguh-sungguh untuk menjayakan Sukan Komanwel 1998 nanti, dan nampaknya Kerajaan telah pun senaraikan 14 jenis sukan yang akan dipertandingkan, dan yang paling mengagumkan ialah bila mana pihak Kerajaan menyatakan sukan-sukan ini akan berteraskan sukan rakyat Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada sukan bolasepak dimasukkan dalam senarai 14 jenis sukan ini. Kalau ada, apakah tindakan-tindakan dibuat bagi memantapkan pasukan sukan kita supaya ianya menjadi satu pasukan yang terhandal di rantau Komanwel? Kalau tidak, mengapa tidak dimasukkan sukan bolasepak yang menjadi sukan rakyat Malaysia kerana seperti yang kita sedia maklum, 17 nyawa telah diragut akibat daripada keinginan untuk menyaksikan pertandingan 'final' bolasepak Piala Malaysia dan ini mencerminkan sukan rakyat Malaysia?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jenis sukan yang dipertandingkan akan ditentukan oleh CGF (Commonwealth Games Federatori). Jadi, dalam senarai yang

ditentukan oleh CGF ini, tidak termasuk bolasepak. Dan juga untuk makluman Yang Berhormat, pada mulanya, jumlah jenis sukan yang dipertandingkan di Kuala Lumpur pada tahun 1998 kelak cuma sebanyak 12 jenis sahaja tetapi di atas permintaan negara kita sebagai tuan rumah, kita berjaya memasukkan dua lagi jenis sukan. Sebab itulah menjadi 14 jenis sukan sekarang ini.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu saya sentuh bahagian sukan renang. Sedar atau tidak kita sukan renang ini tidak lama akan muncul dalam tahun 1995 nanti tetapi persiapan untuk terjun amatlah kekurangan. Lebih-lebih lagi kita sudah ada dua orang 'coach' yang handal dari China. Kalau kita tidak cepat, saya takut kita akan terlewat dan tidak dapat pingat yang kita hajat nanti.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Sebab itulah kita mengambil langkah segera melatih jurulatih dari China untuk melatih para atlit kita dalam bidang renang supaya pada tahun 1995 nanti dan sesuai dengan perancangan kita - tiga peringkat tadi untuk memilih atlit yang akan tinggal cuma 400 orang untuk kita latih sepenuhnya pada tahun 1997 dan juga akhir tahun 1998 sebagai kontingen negara kita. Oleh sebab itulah, kita rasakan tahun 1995, telah merupakan tahun yang kritikal untuk kita sediakan atlit kita dalam bidang akuatik ini ataupun bidang terjun.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana persiapan-persiapan ini. Tetapi dalam penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi bahawa sukan ini rata-rata ini akan dijalankan di seluruh Selangor sahaja. Bagaimana dengan negeri-negeri yang berdekatan ataupun negeri-negeri di seluruh negara kita yang mempunyai peralatan yang cukup bagi melaksanakan Sukan Komanwel ini? Adakah Kementerian bercadang supaya Sukan Komanwel ini dijalankan dan diadakan di tiap-tiap negeri di seluruh negara kita?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, semasa kita menjalankan kempen penawaran, kita tahu akan Kuala Lumpur sebagai tuah rumah Sukan Komanwel. Jadi, kita tidak akan mengadakan pertandingan di luar dari Kuala Lumpur. Walau macammana pun, negeri-negeri lain, kita akan jadikan sebagai tempat latihan berapa jenis sukan untuk dipertandingkan dalam Sukan Komanwel kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua,
dengan izin soalan No. 3.

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) - JUMLAH PELAJAR
DAN KELAYAKAN MASUK**

3. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher [di bawah S.O. 23(2)]
minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilangan penuntut yang diambil masuk ke UNIMAS tahun pertama ini, bilangan penuntut tempatan, dari Semenanjung atau Sabah; dan
- (b) bilangan penuntut yang akan diambil masuk ke UNIMAS tahun depan dan apa-apa prasyarat/kelayakan minimum bagi penuntut yang mahu melanjutkan pelajarannya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr.Fong Chan Onn]: Tuan
Yang di-Pertua.

- (a) jumlah pelajar yang diambil mengikuti kursus peringkat Ijazah Pertama di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi sesi 1993/94 adalah seramai 119 orang. Daripada jumlah tersebut, 42 orang adalah dari Sarawak, 67 orang dari Semenanjung dan 10 orang dari Sabah.
- (b) Bagi sesi 1994/95, UNIMAS dijangka akan mengambil seramai 310 pelajar. Berhubung dengan kelayakan masuk ke universiti tersebut, syarat minimum yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- (i) lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Silabus X/Bahasa Malaysia II; dan
- (ii) lulus Tahun Pengasas Universiti Malaysia Sarawak; atau
- (iii) lulus dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya dua mata pelajaran dengan gred E atau lulus satu mata pelajaran dengan gred E serta lulus dua mata pelajaran dengan gred R atau setaraf dengannya; atau
- (iv) lulus Kursus Matrikulasi yang diiktiraf atau setaraf; atau
- (v) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan yang telah diberi. Saya ingin mendapat penjelasan apakah jenis pengajian yang disediakan di UNIMAS?

Datuk Dr. Fong Chan Oon: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemudahannya, kampus-kampus sedang dibina dan kita sedang membina bilik-bilik kuliah, perpustakaan dan sebagainya. Buat masa ini, kita menggunakan kampus sementara. Apabila kampus yang tetap itu disiapkan menjelang tahun 1995, semua pelajar akan berhijrah ke kampus tersebut.

Dari segi kursusnya, kita sekarang telah memulakan dua fakulti dan dijangka fakulti yang lain akan ditubuhkan menjelang tahun 1995.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kursus-kursus yang ditawarkan dalam sesi 1994/95 dan adakah penawaran kursus-kursus akan mengambilkira permintaan untuk tenaga buruh di Malaysia Timur?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pada sesi ini UNIMAS telah mengambil pelajar-pelajar untuk mengikuti aliran sastera iaitu dalam Sains Sosial dan juga dalam aliran sains iaitu Sains dan Teknologi Sumber. Pada tahun-tahun yang akan datang, UNIMAS akan menjalankan kursus-kursus di fakulti yang lain seperti Fakulti Bio Kimia, Fakulti Perubatan dan sebagainya. Kesemua kursus itu adalah mengikut keperluan negara dan kita menentukan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan oleh UNIMAS itu akan meng"complementary"kan kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti tempatan yang lain.

PENJARA DI KAWASAN PARLIMEN TAPAH - CADANGAN PEMBINAAN

4. Tuan K. Munisamy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan mengenai cadangan Kerajaan untuk membina sebuah penjara di suatu kawasan tanah yang dikhaskan di kawasan Parlimen Tapah beberapa tahun yang lalu. Bilakah penjara itu akan dibina atau tidak; dan
- (b) jika ia akan dibina, berapakah peruntukan yang dikhaskan untuk melaksanakan rancangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk membina penjara di kawasan tanah yang dikhaskan di kawasan Parlimen Tapah.
- (b) Oleh kerana Kerajaan belum bercadang untuk membina penjara yang dimaksudkan, maka tidak ada peruntukan disediakan.

AUDIT TENAGA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN

5. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk diadakan audit tenaga ke seluruh kawasan perindustrian di seluruh negara. Ini adalah bertujuan:-

- (a) memastikan kegunaan tenaga di sesebuah kilang bertepatan dengan kegunaan sebenar;
- (b) memastikan amalan jimat guna tenaga - dapat dilaksanakan; dan
- (c) memastikan Kerajaan mendapat kepastian sebenar jumlah guna tenaga.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Hohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, audit tenaga merupakan suatu aktiviti yang dijalankan untuk menentukan jumlah penggunaan tenaga di samping mengenal pasti unit-unit dalam sesuatu kilang atau bangunan yang banyak menggunakan tenaga. Aktiviti ini juga membolehkan kita menilai potensi penjimatan tenaga berdasarkan kepada langkah-langkah kecekapan tenaga dan teknologi kecekapan tenaga masa kini.

Kebiasaannya sebanyak 10% penjimatan boleh dicapai tanpa sebarang pelaburan iaitu hanya melalui langkah-langkah 'house-keeping', dengan izin, seperti penyenggaraan sistem hawa dingin dan sistem elektrik. Mengikut pengalaman sebanyak 30% penjimatan boleh dicapai sekiranya sedikit pengubahsuaian dan peralatan baru digunakan iaitu melalui sedikit pelaburan seperti memasang peralatan kawalan automatik dan mengadakan sistem untuk mengguna-balik haba.

Pada masa sekarang Kementerian saya sedang menjalankan suatu kajian penjimatan tenaga di sektor industri. Kajian ini adalah dijalankan di bawah Geran Bantuan Teknik Bank Pembangunan Asia (ADB). Kajian ini telah bermula pada 1hb. Ogos 1993 dan akan berjalan selama 1 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kajian ini:-

- (i) sebanyak 30 unit kilang dari sektor-sektor industri yang terpilih akan diaudit.
- (ii) Pada akhir kajian suatu perakuan akan dibuat kepada Kerajaan mengenai dasar kecekapan tenaga, aspek-aspek institusi serta program kecekapan tenaga jangka panjang.
- (iii) Di samping itu, latihan sambil bekerja bagi para profesional dari institusi pengajian tinggi, agensi-agensi Kerajaan dan juga dari firma perunding swasta akan diadakan.

Kajian ini juga adalah bertujuan untuk mendidik pihak kilang tentang bagaimana amalan kecekapan dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang tidak ada sebarang perundangan untuk memastikan bahawa amalan kecekapan, tenaga perlu dilaksanakan

oleh kilang-kilang. Adalah sukar untuk meliputi kesemua kilang-kilang di kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negara di bawah kajian ini. Dengan hal yang demikian, kilang-kilang akan dipilih dengan sebegitu cara supaya hasil kajian ini kelak dapat melambangkan kedudukan kecekapan tenaga dalam sektor industri keseluruhannya. Kilang-kilang individu akan dipilih untuk diaudit mengikut keperluan semasa.

Pada kebiasaannya, jumlah guna tenaga di sektor perindustrian dianggarkan melalui banciaan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan dari masa ke semasa. Anggaran seperti ini adalah cara yang pasif dan tidak sebenarnya memberi gambaran tepat bagi sektor-sektor kecil dalam sektor perindustrian. Proses audit tenaga merupakan cara yang aktif bagi mendapat anggaran mengenai guna tenaga dan sistem tenaga secara terperinci. Audit tenaga yang dijalankan di sesebuah kilang, misalnya kilang tekstil, dapat memberi gambaran yang jelas mengenai sistem tenaga di sektor tekstil keseluruhannya.

Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada penjelasan Yang Berhormat tadi bahawa kajian sedang dijalankan, di sini ingin saya bertanya, saya kira selama 5 tahun yang lepas, supply tenaga kepada industri kilang ini adalah banyak. Oleh kerana kajian tidak dibuat, saya ingin bertanya berapakah tenaga yang digunakan, yang disupply oleh Kerajaan kepada kawasan industri ini tidak digunakan atau pun pembaziran tenaga dalara tempoh 5 tahun yang lepas?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak memberikan angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa banyak tenaga yang telah kerugian akibat daripada penggunaan yang tidak efficient, dengan izin, oleh industri-industri.

JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG - PERANAN

6. Tuan Saidin bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan mempertingkatkan kemampuan JKKK khusus bagi membantu Kerajaan menangani perbuatan maksiat, pembuangan bayi dan penganiayaan kanak-kanak yang begitu ketara sekarang ini.

Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, peranan JKKK dalam membantu Kerajaan bukanlah setakat menangani perbuatan maksiat, pembuangan bayi dan penganiayaan kanak-kanak, tetapi termasuk juga mengawasi kegiatan dadah dan budaya lepak. Pihak Kerajaan sentiasa mempertingkatkan kemampuan dan pengetahuan JKKK melalui kursus-kursus yang diadakan oleh Jabatan-jabatan/Agensi-agensi Kerajaan seperti Biro Tatanegara dan Jabatan Belia. Dalam perkara ini, kerjasama semua Jabatan Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan insan di luar bandar sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah diperlukan dan sehingga hari ini Kerajaan telah pun berjaya menangani masalah di atas dengan baiknya.

ROMBONGAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI - HASIL

7. Tuan Haji Dol bin Dolah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah rombongan perdagangan keluar negeri bagi meningkatkan hubungan dan perniagaan secara dua hala telah dijalankan pada tahun 1992 dan sehingga kini, apakah hasilnya.

43. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah hasil rombongan perdagangan luar negara mengikut jumlah 10 perjanjian perdagangan terbesar yang lahir dari Rombongan Perdagangan Luar Negara; dan
- (b) berapakah jumlah pelaburan Malaysia di luar negara seperti China, Vietnam, Kemboja, Laos dan Mauritius dan lain-lain negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat. Tuan Michael Bong Thiam Joon yang dijadualkan pada hari ini kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Pada tahun 1992 dan 1993, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menghantar sebanyak 18 rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke luar negeri. Tujuan rombongan-rombongan perdagangan dan pelaburan ini adalah untuk mendapatkan pasaran bagi keluaran Malaysia, menggalak pelabur asing melabur di Malaysia dan mencari peluang-peluang dalam bidang perkhidmatan di luar negeri.

Rombongan Galakan Perdagangan dan Pelaburan telah membolehkan pengeksport dan pengusaha memahami keperluan pasaran, persaingan yang dihadapi, mengenali serta memperluaskan rangkaian dagangan dengan pengimport dan bakal-bakal pelabur. Di samping itu, ia memberi peluang kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia mengenal pasti

dan melantik ejen-ejen import bagi barangan mereka. Ini akan dapat meningkatkan eksport negara secara berterusan.

Rombongan galakan perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian pada tahun 1992 dan 1993 berjaya mewujudkan sebanyak 3,660 pertanyaan perdagangan dan 205 pertanyaan pelaburan. Pertanyaan-pertanyaan perdagangan dipercayai telah menghasilkan peluang pasaran bernilai RM1.1 bilion bagi barang-barang keluaran Malaysia di luar negeri dan cadangan pelaburan sebanyak RM13 bilion dalam peringkat rundingan.

Usaha-usaha liberalisasi yang dilaksanakan oleh pasaran-pasaran baru yang berpotensi (newly emerging markets) telah membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha Malaysia mengadakan usaha sama, meningkatkan lagi daya saing barangan, memperluaskan pasaran dan sumber-sumber import komponen bagi kegunaan industri tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan terus rakyat Malaysia di Republik Rakyat China, Vietnam, Kemboja dan Mauritius berdasarkan angka-angka 'remittance', dengan izin, yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1992 berjumlah RM49 juta dan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1993 ia meningkat ke RM53 juta.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 18 rombongan ini, apakah ia merangkumi rombongan yang dibuat oleh Menteri Besar atau Ketua-Ketua Menteri yang pergi ke luar negeri untuk mengadakan rombongan bagi memperkenalkan negeri masing-masing?

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, 18 rombongan ini meliputi juga rombongan-rombongan yang diketahui oleh Ketua Menteri dan juga Menteri Besar.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan garis panduan yang digunakan untuk memilih peserta dalam rombongan perdagangan?

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada garis-panduan. Apa yang kita hendak ialah pengusaha-pengusaha dan juga perdagangan-perdagangan yang melibatkan negara kita boleh dieksport ke luar negeri dan juga pengusaha-pengusaha yang berminat untuk memulakan pelaburan daripada luar negeri yang ingin melabur di dalam negara kita. Dan kita menghantar jemputan kepada semua ahli-ahli peniaga melalui persatuan-persatuan perniagaan. Sesiapa yang berminat untuk mengambil bahagian, boleh menjawab kepada Kementerian dan kita akan memilih. Tidak ada cara lain untuk memilih, hanya melalui, persatuan-persatuan, perdagangan dan juga lain-lain peniaga yang terkemuka di dalam negara.

Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu kerap kali rombongan perdagangan ke luar negeri ini tidak dikoordinasikan di antara rombongan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga rombongan Menteri Besar/Ketua Menteri ke luar negeri menjadikan kerap kali juga pegawai-pegawai di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan kita menjadi keliru untuk menentukan syarikat mana yang akan didekati, tarikh mana yang harus disesuaikan untuk lawatan berkenaan. Kerana saya mendapat tahu juga bahawa koordinasi ini tidak dapat diselaraskan oleh pihak Kementerian kerana pihak Negeri ini mempunyai program yang berbeza, bersesuaian dengan Ketua Eksekutif tiap-tiap Negeri yang berkenaan. Jika benar

keadaan ini berlaku, bagaimanakah penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen?

Datuk S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, memang ada berlaku sedikit kekeliruan antara rombongan-rombongan yang diketuai oleh Ketua Menteri ataupun Menteri Besar dan juga rombongan yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian saya. Ini disebabkan dengan beberapa pemahaman antara pihak yang terlibat dalam pihak negeri dan pihak Kementerian saya. Sebenarnya, apa yang harus dilakukan ialah pihak negeri yang ingin mengambil bahagian dalam semua rombongan harus mengadakan koordinasi dengan Kementerian saya untuk kita memberitahu apa yang sebenarnya harus dilakukan di dalam rombongan-rombongan sepertimana yang telah diadakan. Tetapi kadangkala kita terdapat juga sedikit kekeliruan oleh kerana pihak Negeri ingin mengadakan lawatan dan rundingan yang tidak dibenarkan oleh pihak Kementerian dan kadangkala kita dapati sedikit kekeliruan tetapi ini bukanlah satu masalah yang begitu besar.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA - BILANGAN PELANCONG

B Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pelancong luar negeri yang telah melawat Malaysia sehingga sekarang bagi tahun 1993 dan berapakah pertukaran asing yang dianggarkan telah diperolehi oleh negara kita dalam tempoh ini; dan
- (b) apakah persediaan yang telah dan sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia Tahun 1994.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh Januari hingga September 1993 seramai 4,735,611 pelancong telah dicatat melawat Malaysia. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.5% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1992. Angka ini bagaimanapun tidak termasuk bilangan yang melawat Wilayah Persekutuan Labuan kerana data bagi kawasan ini hanya dapat diperolehi seawal-awalnya pada awal bulan Januari. yang akan datang ini. Anggaran untuk pertukaran wang asing tidak dapat diberikan memandangkan kajian untuk mendapatkan jumlah pertukaran wang asing tersebut masih dalam proses pelaksanaan Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat sekalian, untuk tahun 1992 sejumlah RM4.6 bilion pertukaran wang asing telah diperolehi dari sektor industri pelancongan.
- (b) Persediaan-persediaan yang telah dan sedang dibuat bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 1994 adalah seperti berikut:
- (i) merancang acara-acara tertentu sebagai perayaan-perayaan di sepanjang Tahun Melawat Malaysia 1994 yang akan diadakan di seluruh negara. Sehingga ini sebanyak 170 acara telah disenaraikan di dalam buku kalendar aturcara Tahun Melawat Malaysia 1994;

- (ii) merancang dan melaksanakan promosi Tahun Melawat Malaysia 1994 di dalam dan di luar negeri melalui:-
 - (i) pengiklanan melalui media massa dan elektronik tv dan radio;
 - (ii) penghantaran rombongan galakan ke luar negeri;
 - (iii) penyertaan di ekspo-ekspo antarabangsa;
 - (iv) percetakan brochure-brochure mengenai Tahun Melawat Malaysia 1994; dan
 - v) penyebaran barangan souvenir yang memperkenalkan Tahun Melawat Malaysia 1994.
- (iii) melengkap, memperbaiki dan memperindahkan infrastruktur dan produk-produk pelancongan di seluruh negara;
- (iv) menjalankan kempen-kempen bagi menyedarkan rakyat terhadap tanggungjawab mereka terhadap industri pelancongan, di samping menggalakkan mereka melancong di dalam negeri sendiri;

- (v) menggalakkan kegiatan-kegiatan teras asas pelancongan seperti aktiviti kesenian, kempen-kempen kebersihan, memperbaiki mutu perkhidmatan pelancongan, kempen kesedaran pelancongan, mengadakan kursus bahasa kepada pemandu pelancong, mengadakan latihan-latihan asas memandu pelancong, menggalakkan agensi pelancongan mengadakan pakej pelancongan yang lebih menarik, mengadakan sistem maklumat pelancong, mengenal pasti dan memperbaiki produk-produk pelancongan dan mengadakan acara-acara tarikan alam semula jadi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan membuat ujian darah kepada pelancong yang masuk ke negeri ini bagi menentukan pelancong itu tidak membawa kuman HIV dan penyakit AIDS. Jika tidak, adakah Kerajaan percaya semua pelancong yang masuk itu bersih dari penyakit AIDS, dan adakah Kerajaan mengetahui di antara pelancong-pelancong itu memang ada membawa kuman HIV dan penyakit AIDS?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak ada mengambil langkah-langkah untuk membuat ujian ke atas pelancong-pelancong sama ada mereka ada membawa penyakit AIDS atau tidak, kerana pada pandangan Kerajaan bahawa perkara ini

adalah tidak praktikal, kerana ini boleh menimbulkan kesesakan di lapangan terbang ataupun di pintu masuk. Lagipun untuk tujuan kajian ini dia memerlukan masa yang panjang bukan kita buat kajian di masa itu, masa itu kita tahu dia membawa penyakit AIDS atau tidak? Jadi, ini adalah tidak praktikal dan setakat ini tidaklah ada langkah-langkah Kerajaan ke arah itu.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada memberitahu ktia mengenai jumlah pelancong luar negeri yang masuk ke Malaysia. Saya ingin tahu berapakah jumlah pelancong dalam negeri yang keluar melancong keluar negara dan destinasi mana yang popular di kalangan pelancong-pelancong Malaysia selama ini?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tugas Kementerian ini untuk menarik pelancong masuk ke dalam negeri. Jadi maklumat untuk melancong keluar negara tidaklah ada di dalam pengetahuan kita.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menghapuskan 'social escort' yang terdiri di kalangan orang-orang Islam?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Kementerian ini ialah untuk mengadakan peraandu-pemandu pelancong. Jadi sepanjang yang kita ketahui pemandu-pemandu pelancong tidaklah ada terlibat dalam soal social

escort' **ini**. Walau bagaimanapun di dalam kursus-kursus atau ko-kurikulum yang kita atau Kementertan anjurkan, kita menekankan kepada budaya tempatan. Jadi budaya-budaya baik yang mana menekankan soal alam semula jadi, sejarah negara ini dan budaya negara ini. Ini termasuklah di dalam kurikulum yang kita aturkan iaitu kita memberi juga maklumat mengenai perkara-perkara yang tidak digalakkan oleh negara ini sewaktu mereka menjadi pemandu pelancong.

Mengenai 'social escort' ini saya sendiripun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada maklumat yang lebih lanjut, bolehlah beritahu kepada saya.

Puan Hajah Habsbah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, dalam persiapan menghadapi Tahun Melawat Malaysia 1994 **ini**, berapa ramaikah pemandu-pemandu pelancong telah dilatih; di manakah mereka ini dilatih; dan apakah syarat-syarat dan siapakah yang menyediakan sukatan pelajarannya? Dan apakah jenis peperiksaan yang harus mereka lalui bagi meluluskan mereka menceburi di bidang ini?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kursus Pemandu Pelancong ini kita anjurkan setiap tahun, sekurang-kurangnya 3 kali setahun dan mereka boleh membuat permohonan kepada Kementerian. Sekarang ini kita anjurkan kursus ini bersama-sama dengan Persatuan Pelancong-pelancong Malaysia dan juga Pertubuhan-pertubuhan Pelancong di tiap-tiap negeri ataupun

di dalam bahasa Inggerisnya 'Tourist Associations', dengan izin.

Selain daripada itu, apa yang kita beri tekanan kepada kriteria-kriteria untuk mereka mengikuti Kursus Pemandu Pelancong ini, mereka mestilah mempunyai minat ataupun melibatkan diri di dalam agensi pelancongan sama ada sebagai tuan empunya, agen~agen pelancongan ataupun mereka yang bekerja dengan pihak yang terlibat dengan beberapa industri pelancongan yang tertentu. Selain daripada itu, calon juga perlu mempunyai keperluan akademik yang asas iaitu sekurang-kurangnya SRP ataupun di peringkat SPM.

Mengenai kursus yang kita anjurkan ini kebanyakannya kita memberi penekanan kepada soal bagaimana untuk mengendalikan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita khususnya dari segi sejarah negara kita, dari segi keadaan negara kita dan juga maklumat-maklumat yang lebih detail, yang terperinci mengenai dengan negara kita supaya apabila mereka keluar sebagai pemandu pelancong tidaklah memberi maklumat-maklumat yang salah kepada pelancong-pelancong. Jadi, dari segi soalan Yang Berhormat tidaklah berat kriteria yang kita berikan kepada pemandu-pemandu pelancong asalkan mereka menunjukkan minat untuk menjadi sebagai pemandu pelancong.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan sambutan negara-negara jiran berhubung dengan lawatan ke negara kita. Sejauh

yang saya tahu seramai 3.2 juta rakyat Singapura yang melawat negara ini selama 24 jam. Tetapi kalau kita tengok apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat tadi, iaitu berjumlah 4.5 juta pelancong bermakna 1.3 sahaja daripada negara-negara lain. Bagaimanakah sambutan negara-negara jiran yang lain?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Boleh saya dapat penjelasan maksud negara jiran, yang lain seperti Thailand dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi keadaan semula jadi, semua pelancong-pelancong sudah pastilah lebih ramai melawat negara-negara jiran. Umpamanya, Singapura sendiripun mereka menerima pelancong yang ramai daripada Malaysia. Begitu juga jiran Amerika, iaitu Mexico dan Canada yang ramai, di sebaliknya seperti Mexico dan Canada akan menerima orang Amerika sebagai pelancong-pelancong yang ramai.

Memang benar bagi negara jiran kita, orang Singapura merupakan jumlah yang teramai sekali dari segi peratus lawatan mereka ke Malaysia. Dan bagi pihak Kerajaan, kita tidak mengambil kisah sama ada negara jiran ataupun negara lain yang datang ke Malaysia asalkan mereka berbelanja lebih dan lebih ramai datang ke Malaysia pada setiap masa.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi negara jiran yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, memanglah Singapura merupakan jumlah peratus yang paling tinggi. Yang keduanya ialah Thailand iaitu negara jiran kita, selebihnya daripada Indonesia dan Filipina. Jadi, inilah kedudukan pelancong-pelancong dari negara jiran.

Bagi Tahun Melawat Malaysia, sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat, kita juga mengadakan perundingan, perjumpaan dengan negara-negara kita, memberitahu tentang rancangan Tahun Melawat Malaysia 1994 setelah kita anjurkan Tahun Melawat ASEAN tahun 1992 yang lalu.

KAD KONSESI PELAJAR UNTUK PENERBANGAN MALAYSIA - SYARAT

9. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan syarat-syarat berkenaan dengan kad konsesi pelajar dan adakah penuntut-penuntut di institusi-institusi persendirian berkelayakan untuk membelinya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat bagi mendapat: Kad Konsesi Pelajar untuk penerbangan Malaysia adalah:

- (i) pelajar berumur lebih daripada 12 tahun;
- (ii) pelajar sedang mengikuti pelajaran sepenuh masa di sekolah-sekolah atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan serta berdaftar dengan Kementerian Pendidikan dan pelajar sedang mengikuti pengajian tidak kurang daripada 6 bulan.

Untuk makluman Yang Berhormat, penuntut-penuntut di institusi persendirian juga berkelayakan untuk mendapat kad konsesi pelajar jika institusi berkenaan diiktiraf oleh Kerajaan. KTM Bhd. sebaliknya tidak mengeluarkan kad konsesi untuk pelajar-pelajar. Bagaimanapun KTM Bhd. ada mengeluarkan buku konsesi pelajar untuk sekolah, maktab, kolej dan universiti yang dibantu penuh oleh Kerajaan. Buku ini boleh dibeli oleh Pengetua institusi berkenaan di stesen kereta api yang berdekatan. Dengan buku ini pelajar-pelajar dapat menikmati konsesi 50% untuk perkhidmatan mel biasa sahaja. Walau bagaimanapun, institusi-institusi persendirian tidak layak membeli buku konsesi berkenaan.

REMAJA LARI DARI RUMAH - STATISTIK

10. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bilangan 'remaja' yang lari dari rumah dan dapat dijumpai semula sepanjang tahun 1993 dan apakah punca-punca utama remaja-remaja ini lari dari rumah;

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak mempunyai statistik mengenai remaja lari dari rumah. Ini kerana apabila berlaku kehilangan, keluarga berkenaan akan melaporkah kepada pihak Polis.

Mengikut perangkaan yang diberikan oleh pihak Polis, bilangan

remaja yang lari dari rumah dalam tahun 1993 sehingga. bulan Ogos tahun ini adalah seramai 1,485 orang dan dijumpai semula seramai 656 orang.

Faktor-faktor yang mendorong remaja melarikan diri dari rumah ialah:

- (i) perpecahan keluarga;
- (ii) keluarga tidak harmoni;
- (iii) tiada komunikasi antara anak dengan ibu bapa;
- (iv) kurang perhatian dan kasih sayang dari keluarga;
- (v) harapan ibu bapa yang terlalu tinggi di atas pencapaian remaja;
- (vi) kemudahan hidup bebas dan hiburan yang mudah diperolehi;
- (vii) pengaruh kawan;
- (viii) kemudahan mencari wang untuk kemewahan hidup; dan
- (ix) tarikan oleh pusat-pusat hiburan dan rekreasi di luar rumah.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagi pemuda-pemudi atau remaja yang lari dari rumah tetapi belum dijumpai lagi, ke mana mereka pergi? Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini? **[Ketawa]**

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-pertua, ini susah hendak jawab kerana mereka belum dijumpai lagi. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama pihak NGOs dan juga pihak media massa kita telah menyiarkan gambar-gambar remaja yang lari dari rumah dan dengan tindakan seperti itu kita telah pun berjaya membawa balik sekurang-kurangnya 40% daripada mereka yang lari dari rumah.

MALAYSIAN TRADE DEVELOPMENT CORPORATION - USAHA

MEMPOPULARKAN REKAAN/TEKNOLOGI TERKINI

11. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Perbadanan Teknologi Nalaysia (MTDC) untuk mempopularkan rekaan dan teknologi terkini hasil ciptaan tempatan khususnya dari universiti-universiti tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan usaha-usaha yang telah diambil oleh Malaysian Trade Development Corporation (MTDC) dalam mempopularkan rekaan-rekaan dan teknologi terkini hasil ciptaan tempatan khususnya dari universiti-universiti tempatan, sukacita dimaklumkan bahawa MTDC telah melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) menganjurkan sesi perbincangan untuk menyatukan pengusaha-pengusaha yang berminat untuk membuat pelaburan dengan penyelidik-penyelidik dari universiti-univerisi atau institusi-institusi penyelidikan bagi memberi pendedahan mengenai teknologi baru dan rekaan baru;
- (ii) mencari rakan kongsi bagi para perekacipta untuk terus menubuhkan syarikat usahasama bagi mempopularkan dan memasarkan hasil ciptaan tempatan. Di samping itu, MTDC juga memberi bantuan pinjaman atau mengambil ekuiti dalam syarikat-syarikat usahasama ini;
- (iii) mengeluarkan risalah "Malaysian Technology Bulletin" untuk menyebarkan maklumat tentang teknologi dan rekaan-rekaan baru; dan
- (iv) menyumbang sebanyak RM25,000 kepada Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS) untuk menggalakkan

pertumbuhan rekapipta dan rekabentuk dan seterusnya mempamerkan rekaan dan teknologi baru serta menyebarkan maklumat tentangnya.

KAD PENGENALAN BARU BILANGAN TELAH SIAP DAN KOS PENGELUARAN

12. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa bilangan kad pengenalan baru yang telah siap dan diberi kepada rakyat yang memohon kad pengenalan baru sejak ianya dilancarkan.
- (b) berapakah belanja kos mengeluarkan kad pengenalan baru tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) sehingga 30hb November, 1993, bilangan kad pengenalan baru yang telah siap adalah sebanyak 3,676,266 dan bilangan yang telah diserahkan ialah 3,525,954.
- (b) Kos yang terlibat bagi projek pengeluaran Kad Pengenalan baru sehingga 15hb Jun, 1993 adalah sebanyak RM73,823,320,93.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa pemohon-pemohon terpaksa mengambil masa yang agak panjang menunggu di Pejabat Pendaftaran Negara khususnya di negeri-negeri untuk membuat permohonan bagi mendapatkan kad pengenalan baru? Apakah Kerajaan berpuashati dengan kualiti kad pengenalan baru berbanding dengan kad pengenalan lama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang ditanyakan di sini. Sama ada Yang Berhormat bertanyakan tentang masa menunggu di pejabat untuk mengemukakan permohonan ataupun masa menunggu kad itu disiapkan?

Tuan Saad bin Haji Man: Kedua-duanya.

Tuan Ong Ka Ting: Untuk masalah menunggu lama ini, ianya berlaku bukan di semua Jabatan Pendaftaran Negara. Ini berlaku di tempat-tempat di mana terdapat kekurangan kakitangan. Tindakan yang sesuai sedang diambil untuk menambah lagi kakitangan dan juga di tempat-tempat di mana ruang pejabat kekurahgani, Kerajaan juga mengambil tindakan untuk meminda atau mencari ruang pejabat yang lebih selesa yang boleh menanggung beban mengikut jumlah penduduk di tempat-tempat tersebut.

Mengenai masa yang diambil terlalu panjang selepas mereka mengemukakan permohonan dan menunggu kad itu dipulangkan, perkara ini adalah di dalam tindakan Kerajaan di mana selain daripada menambahkan kakitangan dan juga memperbaiki sistem komputer yang sedia ada, dengan mendapatkan lebih banyak peruntukan, dijangka sistem pengeluaran kad pengenalan baru ini dapat diperbaiki dengan memendekkan masa kepada tiga hingga enam bulan, tidak lagi seperti pada tahun 1990 atau 1991. Untuk tahun 1994 menjelang bulan Ogos, adalah dijangkakan segala pengeluaran kad pengenalan boleh dianggapkan current, iaitu tepat pada target yang disediakan.

Mengenai kualiti kad pengenalan baru yang kurang memuaskan, ini memanglah satu perkara yang Kerajaan sentiasa sedar dan langkah-langkah telah pun diambil. Sistem pengeluaran itu telah pun diperbaiki dan semua kad pengenalan baru yang dikeluarkan selepas tahun 1992 sudah mempunyai kualiti yang lebih baik. Adalah benar sebahagian daripada kad pengenalan baru yang dikeluarkan pada tahun 1990 dan 1991 senang pecah ataupun kad lamination itu boleh keluar dengan senang. Langkah-langkah sedang diambil bagi mengatasinya.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah tempoh yang diberikan oleh Kerajaan kepada orang ramai untuk menukar kepada kad pengenalan baru? Apabila tempoh itu telah ditentukan dan rakyat tidak juga mahu menukarnya, apakah hukuman yang akan dikenakan oleh Kerajaan kepada mereka itu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tempoh yang telah ditetapkan pada asal oleh Kerajaan ialah pada menjelang tahun 1996. Walau bagaimanapun, pada masa ini oleh kerana terdapat sistem pengeluaran ini mempunyai beberapa masalah, maka Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji untuk melanjutkan tempoh ini, sekurang-kurangnya sehingga tahun 1998.

Tujuan Kerajaan untuk menukar kad pengenalan daripada kad plastik kepada kad baru ini bukan untuk menyusahkan rakyat. Oleh kerana itu, Kerajaan akan kaji ini pada masa kelak, dan kalau sekiranya tempoh sudah tiba tetapi terdapat masih ramai rakyat belum menukar, maka Kerajaan akan melanjutkan tempoh mengikut sejauh mana rakyat atau populasi kita boleh menerima tanpa menyusahkan diri mereka. Sehingga satu tempoh yang benar-benar cukup panjang sehingga kebanyakan rakyat sudah menukar dan hanya tinggal sebahagian kecil yang degil tidak hendak buat demikian, masa itulah Kerajaan akan fikir apa tindakan akan diambil.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, salah satu fungsi bagi exercise permohonan kad pengenalan bermutu tinggi ialah untuk menapis kad pengenalan palsu, supaya menentukan bahawa mereka yang mendapat kad pengenalan bermutu tinggi adalah rakyat Malaysia yang sebenarnya. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat, berapa banyakkah kad pengenalan lama yang palsu dikesan setakat ini sejak satu pelancaran permohonan kad pengenalan bermutu tinggi pada masa ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bilangan kad pengenalan palsu ini adalah satu bilangan yang sentiasa berubah-ubah, iaitu ia bertambah mengikut masa, pada ingatan saya, pernah saya menjawab di Dewan ini atau Dewan Rakyat, bilangan kad pengenalan palsu yang telah dikesan untuk 10 tahun kebelakangan ini adalah sudah lebih daripada 10,000. Tetapi kebanyakan kad itu adalah kad plastik. Sehingga hari ini belum terdapat apa-apa peluasan dalam kad pengenalan bermutu tinggi yang dikeluarkan pada masa kini. Adapun kad pengenalan yang nampak macam KPT, tetapi kualiti kad yang dipalsukan oleh sindiket, sama ada dari luar atau di dalam negara adalah rendah.

Untuk mencegah ataupun memastikan proses penukaran kad pengenalan ini boleh mencegah sebarang pemalsuan, Jabatan, Pendaftaran Negara telah mengenalpastikan beberapa langkah strategik untuk menapis, iaitu dari masa permohonan itu diterima di kaunter sehingga kad itu dikeluarkan, kira-kira ada 13 langkah boleh menyemak semula sehinggakan apa-apa dokumen palsu di antara proses itu boleh dikesan dengan serta-merta.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Sarawak kebanyakan orang pedalaman tidak ada kad pengenalan. Apakah tindakan Jabatan ini, adakah mereka akan menghantar lagi pegawai-pegawai untuk membuat kad pengenalan dan surat beranak mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak dan juga di Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara memang sudah pun menubuhkan Pasukan-pasukan Bergerak untuk masuk ke kawasan pedalaman bagi

membantu mereka, terutamanya mereka yang jarang sekali keluar daripada kawasan pedalaman untuk sama ada menerima permohonan daftar lewat dari segi kelahiran ataupun untuk mengeluarkan kad pengenalan. Yang menjadi masalah ialah walaupun Pasukan Bergerak itu telah pun mengadakan satu jadual tetap untuk memberi perkhidmatan, tetapi masih terdapat di antara penduduk-penduduk di kawasan pedalaman, mereka tidak mengambil berat, iaitu dengan sikap tidak menghiraukan. Sampai hari ini ada golongan tertentu yang masih tidak ada dokumen yang penting ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih cuba mengadakan satu usaha lagi untuk berkempen supaya dapatkan mereka ini keluar memohon semua dokumen-dokumen yang penting.

PENGUSAHA PERIKANAN LAUT - KESUKARAN MENDAPAT PINJAMAN DARI BANK

13. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapa akhir-akhir ini masih terdapat rungutan dari pengusaha-pengusaha perikanan laut alam bahawa mereka amat sukar mendapat pinjaman dari bank. Tidakkah dengan kesukaran tersebut menyebabkan hasrat Kerajaan untuk melihat penerokaan latu dalam akan gagal. Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan berpendapat bahawa pengusaha-pengusaha perikanan laut dalam tidak menghadapi kesukaran memperolehi pinjaman daripada bank, khususnya Bank Pertanian Malaysia. Ini adalah kerana terdapat dana khusus daripada Kerajaan melalui Skim Kemudahan Kewangan (SKK) dan juga Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP).

Apa yang menjadi punca rungutan ialah masalah menyediakan cagaran dan sumbangan ekuiti. Tujuan pihak bank mengenakan cagaran dan ekuiti ialah untuk memastikan peminjam komited terhadap projek yang diusahakan. Sebagai cagaran, pihak bank boleh mengambil kira bot-bot kepunyaan mereka itu, dan nilainya adalah 1/3 daripada kos bot-bot tersebut, selain daripada cagaran berbentuk tanah, rumah, saham dan sebagainya.

Di samping itu, jaminan secara peribadi atau jaminan korporat juga boleh diterima, sekiranya nilai cagaran yang dikemukakan tidak melindungi baki pinjaman. Syarat-syarat yang dinyatakan itu adalah demi menjaga kepentingan bank, kerana jumlah sesuatu pembiayaan dari pinjaman jenis ini adalah melebihi RM350,000. Sehingga kini, 112 pinjaman telah diluluskan dengan nilainya RM34 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 43 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

3.36 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang satu Usul seperti berikut:

Bahawa Dewan yang mulia ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan kejayaan yang ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

mengambil maklum dan mengesahkan usaha berterusan Kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 42 Tahun 1993.

Bahawa bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua penduduk Malaysia dari pelbagai lapisan hidup berusaha lebih gigih dan dengan hasrat pencapaian yang lebih teguh, ke arah membina satu bangsa yang adil, bersatupadu, maju, mampu bersaing dan mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita negara di bawah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam telah dibentang di Dewan Rakyat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16hb Disember, 1993 dan selesai dibahaskan pada 21hb Disember, 1993. Kajian tersebut bertujuan menilai pencapaian objektif dan matlamat Rancangan Malaysia Keenam bagi tempoh 1991-1993, mengenalpasti dan menilai masalah yang dihadapi dan mengkaji semula prospek pertumbuhan, dasar serta keutamaan dalam melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi negara.

Prestasi ekonomi Malaysia dalam tahun 1991-1993 amat meyakinkan. Semua sektor, kecuali pertanian dan perlombongan, mencapai prestasi melebihi matlamat Rancangan. Kita juga mencatat kadar tabungan yang tinggi, pertumbuhan eksport yang pesat, peningkatan produktiviti dan daya-saingan serta paras harga dan kadar tukaran asing yang stabil. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 8.1% setahun adalah melangkaui matlamat 7.5% di bawah Rancangan.

Kejayaan tersebut terserlah memandangkan prestasi ekonomi dunia yang lembab. Kadar pertumbuhan tersebut mengatasi pertumbuhan negara-negara maju dan yang paling tinggi di Asia kecuali bagi negara China. Namun sekiranya kita mengambil pertimbangan kadar inflasi, maka pertumbuhan ekonomi Malaysia nyata lebih mampan sifatnya.

Dengan pencapaian ini, mutu dan taraf kehidupan semua lapisan rakyat, diukur dari pendapatan per kapita dan lain-lain petunjuk sosio-ekonomi, ternyata bertambah baik. Pendapatan per kapita meningkat daripada RM6,238 dalam tahun 1990 kepada RM8,380 pada tahun 1993. Kesan positif pertumbuhan dan program khusus Kerajaan telah berjaya menarik sejumlah besar rakyat dari belengu kefakiran dan kemiskinan. Kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 17.1% pada tahun 1990 kepada 13.5% pada tahun 1993, walaupun pendapatan garis kemiskinan telah dinaikkan. Kadar golongan termiskin (fakir) telah dapat dikurangkan dari 4% pada tahun 1990 kepada 3% pada tahun 1993, iaitu pengurangan daripada 143,000 kepada 116,000 isi rumah.

Kita yakin insya Allah, prestasi ini boleh diperbaiki dan kita berhasrat mengurangkan kadar kemiskinan kepada 8.8% dan kadar golongan termiskin (fakir) kepada 2.2% menjelang akhir tempoh rancangan. Kita akan berusaha memperbaiki nasib golongan miskin melalui penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti melalui pendidikan dan latihan, sementara golongan termiskin akan dikurangkan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) termasuk skim khas, Amanah Saham Bumiputra (ASB) untuk membolehkan lebih ramai golongan termiskin mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi.

Sejak pertengahan tahun 1980an, Dasar Ekonorai Negara telah mengambil arah baru dengan sektor swasta mengambil peranan utama sebagai jentera pertumbuhan. Penglibatan sektor awam secara langsung dalam kegiatan ekonomi dikurangkan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan membolehkannya memberi tumpuan dalam penyediaan prasarana yang mendesak dan meneroka bidang-bidang baru yang memerlukan pelaburan yang besar. Hasil dari pendekatan tersebut, pelaburan sektor swasta telah berkembang pada kadar purata 13% dalam jangka masa kajian, melebihi matlamat Rancangan - 6%. Galakan pelaburan dan penerusan Dasar Penswastaan akan terus merangsang pertumbuhan sektor swasta di tahun-tahun akan datang. Kita telah merangka inisiatif pelaburan dalam negeri, bertujuan meningkatkan kandungan tempatan pelaburan swasta, memperbaiki dan memantapkan pasaran modal dan membangunkan syarikat-syarikat tempatan yang besar untuk menjadi syarikat antarabangsa.

Pelbagai galakan telah dan akan diperkenalkan, menggalak pelaburan asing termasuk menarik syarikat antarabangsa memindahkan lokasi kegiatan ke Malaysia. Namun tumpuan kini adalah untuk menarik industri yang berintensif modal dan berteknologi tinggi serta mewujudkan rantaian yang lebih rapat dengan industri tempatan. Pertumbuhan pelaburan awam sebanyak 10% setahun dalam tempoh kajian sebahagian besarnya adalah peningkatan perbelanjaan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan bagi meningkatkan keupayaan prasarana seperti bekalan elektrik, air dan telekomunikasi. Pelaburan seperti ini adalah bersifat produktif untuk meningkatkan kecekapan dan mengatasi kekangan prasarana akibat pertumbuhan

ekonomi yang pesat. Selain dari prasarana, sektor awata juga akan mempelopori penerokaan dalam bidang baru yang akan meluaskan asas dan membina kekuatan sektor industri Malaysia dalam dekad-dekad yang akan datang.

Kerajaan telah mengenal pasti industri aerospace sebagai salah satu sektor strategik baru yang akan diterajui oleh sektor awam. Industri ini dijangka akan mewujudkan rantaian dengan sektor kejuruteraan dan perkhidmatan yang sedia ada untuk membolehkannya bersaing di rantau ini dan di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Separuh Kedua Penggal Rancangan, pelaburan sektor awam dijangka meningkat pada kadar 12.8% setahun. Keupayaan dan kecekapan sektor awam perlu dipertingkatkan, terutama dalam menyediakan kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Justeru itu, penyusunan semula keutamaan perbelanjaan sektor awam perlu dilaksanakan. Kenyataan ini menuntut Kerajaan Persekutuan meneliti semula paras tertinggi atau "ceiling" peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Setelah dikaji dengan mendalam dan saksama, maka Kerajaan bersetuju mencadangkan supaya peruntukan pembangunan tersebut ditambah daripada RM55 bilion kepada RM58.5 bilion. Kita berpuas hati bahawa peruntukan tambahan ini tidak akan membawa sebarang masalah daripada segi pembiayaan dan juga kestabilan harga.

Kedudukan kewangan Kerajaan telah bertambah kukuh dan insya Allah akan dapat dikekalkan sehingga ke tahun-tahun akhir Rancangan Malaysia Keenam. Justeru itu, Kerajaan tidak perlu lagi meminjam dari luar negeri untuk membiayai projeknya. Namun, Kerajaan akan

terus cermat dan berhemat dalam mengurus kewangan negara. Pindaan terhadap paras tertinggi peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan turut mengambil kira kemampuan agensi Kerajaan untuk melaksanakan program dan projek yang diluluskan. Peruntukan yang lebih besar akan disediakan bagi dua tahun akhir Rancangan Malaysia Keenam, dengan peruntukan sebanyak RM29.3 bilion berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM29.2 bilion bagi tempoh 3 tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam.

Baki peruntukan ini akan dapat membiayai program dan projek untuk mengurangkan ketegaran prasarana disamping mengekalkan kepesatan pertumbuhan ekonomi negara. Sebahagian besar daripada baki peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah untuk sektor ekonomi, iaitu sebanyak RM16.4 bilion atau 56% daripada baki peruntukan Rancangan Malaysia Keenam, berdasarkan paras tertinggi yang baru. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.3 bilion adalah untuk program pengangkutan, RM2.2 bilion untuk program sumber air dan pembedung.

Sejumlah besar pertambahan peruntukan ini adalah untuk meningkatkan keupayaan bagi mengatasi masalah prasarana semasa di samping meningkatkan tahap kecekapan dan menambah kapasiti untuk pembangunan masa depan. Pertumbuhan pesat pelaburan swasta dan awam sudah tentu memerlukan sumber yang bertambah. Justeru itu, paras tabungan perlu ditingkatkan lagi. Beberapa usaha akan dilaksanakan supaya matlamat kadar tabungan sebanyak 36%, seperti dalam Rancangan Malaysia Keenam tercapai. Selain dari kaedah konvensional, pasaran modal akan diperkembangkan sebagai alat untuk mengembleng tabungan

dan menampung pembiayaan pelaburan yang lebih besar Penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE), Pasaran Hadapan Kuala Lumpur (KLFM) dan beberapa instrument kewangan Islam merupakan antara kaedah baru untuk mengembleng modal masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dan pertumbuhan yang pesat mempunyai kesan sampingan. Sejak beberapa tahun yang lalu, Malaysia telah mulai mengalami masalah kekurangan tenaga kerja, kadar pengangguran telah berkurangan daripada 5.1% pada tahun 1990 kepada 3% pada tahun 1993, iaitu satu tahap gunatenaga penuh. Untuk megalakan ketegaran pasaran buruh, Kerajaan telah membenarkan pengambilan buruh asing secara teratur untuk bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan terpilih. Namun ini hanyalah langkah sementara sehingga pihak industri dapat menyesuaikan proses pengeluaran ke arah berintensif modal, proses penjimatan buruh yang lebih canggih menerusi penggunaan automasi, robotik dan komputer secara meluas. Kekurangan buruh dan gabungan pelbagai faktor yang muncul akibat pertumbuhan yang pesat telah menyebabkan ekonomi mengalami tekanan inflasi. Meskipun kadar inflasi di Malaysia adalah rendah dibandingkan dengan negara-negara lain, terutamanya negara-negara yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi; namun ia tidak boleh dipandang ringan.

Inflasi perlu dikawal, bahkan dibanteras. Kita akan meneruskan gabungan kebijakan fiskal dan kewangan untuk memastikan kestabilan harga. Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai inflasi telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi membendung inflasi dan Belanjawan 1993 dan 1994 telah menghapus dan menurunkan duti lebih dari 1,000 jenis barangan untuk mengurangkan harganya. Kita juga perlu menerima hakikat bahawa inflasi juga merupakan gejala kewangan berpunca dari kecairan yang berlebihan dalam sistem ekonomi. Justeru itu, Bank Negara Malaysia akan terus mengambil langkah yang bersesuaian dan berkesan untuk mengawal pertumbuhan bekalan wang dalam sistem ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 8% setahun bagi tempoh 1994/1995, dan ini akan menghasilkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.1% bagi keseluruhan tempoh perancangan, Pendapatan per kapita dalam harga semasa akan terus meningkat kepada RM9,950 dalam tahun 1995. Kejayaan perundingan perdagangan Pusingan Uruguay memberikan prospek ekonomi dunia yang lebih cerah. Pasaran antarabangsa yang semakin competitive bermakna barangan keluaran Malaysia perlu lebih bermutu dan berdaya saing. Ketika yang sama, kita perlu berusaha untuk menggembleng sumber pertumbuhan dalam negeri untuk menjamin pertumbuhan yang mampan.

Untuk terus berjaya di tahun-tahun akan datang dan seterusnya menjayakan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020, kita akan meneruskan dasar-dasar yang telah ternyata berjaya di samping

memiliki kesediaan untuk membuat perubahan, penyesuaian bahkan reformasi sekiranya diperlukan dalam bidang-bidang lain.

Dasar penswastaan akan diteruskan kerana telah ternyata berjaya mengurangkan beban kewangan Kerajaan, meningkatkan kecekapan dan produktiviti dan membantu perkembangan pasaran modal tempatan. Sehingga kini, kira-kira 15 syarikat yang diswastakan telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur telah menyumbang kira-kira satu-per-empat daripada jumlah permodalan pasaran sehingga akhir bulan November tahun ini. Penswastaan juga telah membuka peluang bagi agensi-agensi amanah seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, mengagihkan kekayaan korporat kepada pelabur-pelabur individu. Di bawah Skim ASB dan ASN sahaja, seramai 4.8 juta pelabur individu telah menikmati faedah penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak akan berbangga sekiranya kejayaan, kebijakan dan pengurusan ekonomi hanya menghasilkan pertumbuhan yang tinggi. Pada kita, matlamat keadilan sosial dalam bentuk pengagihan kekayaan dan penghapusan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi adalah tidak dapat dipisahkan dengan dasar merangsang pertumbuhan. Justeru itu, usaha pembasmian kefakiran dan kemiskinan serta usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor korporat akan diteruskan. Namun, kita juga perlu menerima kenyataan bahawa persekitaran ekonomi dalam negara serantau dan antarabangsa menuntut keberanian untuk membuat penyesuaian. Sementara Kerajaan tidak akan

mengabaikan tanggungjawab sosialnya, kita juga perlu menyedari bahawa kenyataan baru memerlukan kita mengambil pendekatan yang lebih pragmatik.

Dalam bidang penyertaan bumiputera, agensi amanah bumiputera seperti PNB akan mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka untuk menggembleng tabungan bumiputera bagi mendapatkan bahagian ekuiti yang lebih besar dalam sektor korporat. Bagi membantu mengekalkan pegangan ekuiti bumiputera, Kerajaan juga sedang menimbangkan kemungkinan menubuhkan Amanah Pelaburan Bumiputera (APB). Di bawah skim ini, peruntukan 30% saham yang dikhaskan kepada bumiputera dalam pengundian di bawah terbitan awam oleh syarikat yang ingin disenaraikan di BSKL akan disalurkan kepada APB. Namun pada akhirnya, kejayaan bumiputera dalam jangka panjang adalah lebih tergantung dengan kemampuannya untuk bersaing di pasaran terbuka. Justeru itu, usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan akan diberikan penekanan termasuk melalui penyertaan syarikat-syarikat besar sebagai syarikat tunjang dalam program pembangunan vendor.

Akhirnya, saya ingin merumuskan bahawa pembangunan bukan sekadar mengejar kemewahan dan keselesaan kehidupan fizikal, bahkan pengalaman semasa negara-negara industri telah membuktikan bahawa kemerosotan akhlak lambat-laun boleh membawa ekonomi ke dalam kemelut yang hebat. Justeru itu, pembangunan fizikal perlu diseimbangkan dengan kemajuan dalam semangat pertanggungjawaban,

akhlak, akhliah dan kebudayaan, Sebagai lanjutan dari prinsip ini, kita ingin menyaksikan pembangunan yang seimbang, pembangunan yang dilaksanakan dengan penuh keprihatinan terhadap kesan sampingannya kepada alam sekitar, keselamatan dan kepentingan awam. Tragedi pangsapuri Highland Towers, kekerapan tanah runtuh dan banjir memerlukan kita melihat pembangunan dari keseluruhan aspeknya. Kerajaan akan memastikan semua perundangan dan peraturan berhubung dengan pembangunan dipatuhi.

Berhubung dengan keputusan Jemaah Menteri mengenai pembangunan di-kawasan cerun, lereng dan atas bukit, saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk bertindak terhadap mana-mana pemaju yang enggan mematuhi keputusan tersebut. [Tepuk] Untuk memastikan keputusan tersebut dipatuhi, semua pihak-pihak berkuasa perbandaran tempatan akan diminta membuat laporan kepada Kerajaan Negeri masing-masing berhubung pembangunan kawasan lereng bukit dan merujuk kepada Jawatankuasa Kabinet yang sedia ada.

Kerajaan juga akan bertindak segera untuk memperbaiki jalan-jalan akibat banjir dan tanah runtuh agar semua sistem perhubungan dalam negara pulih seperti biasa. Sementara itu, Kerajaan juga prihatin dengan golongan miskin dan daif yang kehilangan tempat tinggal akibat banjir dan bersedia menyediakan pampasan dan bantuan secukupnya untuk mengurangkan kesulitan dan bebanan mereka.

Meskipun Malaysia juga tidak bebas dari bencana alam, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana negara tidak mengalami malapetaka yang dahsyat yang dialami oleh negara-negara lain. Namun, kita perlu prihatin bahawa sebahagian dari bencana yang dialami seperti banjir dan tanah runtuh adalah akibat dari pembangunan yang pelaksanaannya tidak memperdulikan kesannya terhadap alam sekitar. Antara sifat pembangunan yang mampan ialah pelaksanaannya tidak menyebabkan kemusnahan dan membahayakan kepentingan awam. Pembangunan yang tempang lambat-laun akan membawa akibat buruk kepada orang ramai. Justeru itu, adalah penting kita memastikan pembangunan dalam tempoh separuh kedua Rancangan Malaysia Keenam benar-benar mampan dari segala seginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. **[Tepuk]**

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam atas nama Y.A.B. Perdana, Menteri terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

3.58 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam 1991/1995 yang baru sahaja dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional serta keseluruhan rakyat Malaysia ke atas prestasi ekonomi yang begitu cemerlang dalam tempoh 3 tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam dan juga rangka pelan perspektif jangka panjang 1991 hingga tahun 2000.

Seperti apa yang telah saya katakan dalam ucapan saya ke atas Belanjawan 1994, negara kita kini telah mencapai hampir semua matlamat macro-ekonomi yang ditetapkan iaitu kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, gunatenaga penuh, kestabilan harga, imbangan pembayaran dan belanjawan yang seimbang. Pencapaian sedemikian memang tidak mudah dan kami harus bangga ke atasnya.

Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, kadar pertumbuhan ekonomi bagi tempoh 1991 hingga 1993 dijangka mencapai 8.1% setahun pada puratanya. Ini melebihi sasaran yang ditetapkan pada awal tempoh Rancangan Malaysia Keenam, iaitu 7.5% setahun. Kadar yang pesat ini dijangka akan berterusan dalam tempoh 1994 hingga 1995 di mana kadar puratanya yang dijangkakan ialah 8% setahun. Sekiranya kadar ini dapat dikekalkan pada tahap yang tinggi ini untuk suatu tempoh yang lama, maka negara kita dijangka boleh mencapai status negara yang maju lebih awal daripada tahun 2020. Tetapi hal ini bukan senang, walaupun tidaklah terdapat di luar batas kemampuan rakyat Malaysia untuk mencapainya.

Seperti apa yang kita sedia maklum, Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka di mana sebahagian besar daripada keluarannya dieksportkan, sementara sebahagian besar daripada permintaan adalah dipenuhi oleh import barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan. Yang lebih penting, sebahagian besar daripada pelaburan swasta yang merupakan sumber pertumbuhan utama adalah datang daripada negara-negara asing. Ini bererti, darjah ketergantungan ekonomi Malaysia ke atas ekonomi antarabangsa amat tinggi dan persaingan di ekonomi antarabangsa makin lama makin hebat. Ini bererti, sekiranya Malaysia mahu mempertahankan, malah mempertingkatkan bahagiannya daripada pasaran antarabangsa serta mengekalkan statusnya sebagai sebuah pusat pelaburan yang menarik, maka negara ini mesti terus berusaha mempertingkatkan daya pengeluarannya. Ini bererti, mutu barang-barang yang dikeluarkan oleh Malaysia mesti terus

ditingkatkan. Harga barang-barang ini haruslah berpatutan dan khidmat selepas jualan mesti bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang boleh membawa kepada peningkatan dalam daya saingan barang-barang Malaysia di pasaran antarabangsa dan negara ini sebagai pusat pelaburan asing ialah memastikan kadar pertukaran asing yang taidak terlampau tinggi bagi Ringgit Malaysia. Daripada kajian penyelidikan yang telah dijalankan mengenai proses perindustrian di negara kita, kita dapati tempoh 1986 hingga 1990 adalah tempoh di mana kadar pertumbuhan dalam sektor pembuatan adalah yang amat pesat sekali. Ini seterusnya telah juga membawa kepada kadar pertumbuhan pada keseluruhannya yang tinggi.

Faktor utama yang membawa kepada kadar pertumbuhan yang pesat ini ialah kadar pertukaran dalam Ringgit Malaysia yang berdaya saingan atau, dengan izin, a competitive exchange rate. Di sini saya ingin merayu kepada pihak tertentu, terutamanya Bank Negara Malaysia untuk sering mengesani pergerakan dalam kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia ini. Walaupun kadar ini ada asasnya ditentukan oleh daya pasaran atau, dengan izin, market forces di pasaran pertukaran asing, namun Bank Negara mesti campur tangan kalau didapati kadar ini telah melebihi paras yang boleh menjadikan negara kita kehilangan daya saingannya dalam eksport dan sebagai sebuah pusat pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor lagi yang boleh mempertingkatkan daya saingan Malaysia di peringkat ekonomi sedunia ialah melalui peningkatan kecekapan perkhidmatan awam serta agensi-agensi

Kerajaan. Seperti apa yang kita semua sedia maklum, perkhidmatan awam selain daripada membekalkan barang-barang awam atau public goods dan menyediakan prasarana, bekalan elektrik, **air**, telekomunikasi dan perhubungan juga memainkan peranan yang penting sebagai pengawalselia atau regulator, dengan **izin**, dan pemberi lesen. Sektor awam yang lebih efisien akan membawa kepada segala fungsi ini dijalankan dengan lebih cekap. Ini seterusnya akan membenarkan sektor swasta bergerak balas kepada isyarat-isyarat pasaran dengan lebih cepat.

Seringkali kita dapati sektor swasta tidak dapat bergerak bebas kepada perubahan-perubahan pasaran dengan cepatnya lantaran daripada ketidakadanya keefisienan perkhidmatan awam. Kalau sektor swasta menghadapi banyak halangan akibat ketidakefisienan **ini**, maka ramai di antara pelabur-pelabur asing akan dipaksa berpindah ke negara-negara lain. Ini akan merugikan negara kita. Memang adanya perkhidmatan awam yang efisien telah disebutkan oleh Bank Dunia dalam laporannya mengenai "The East Asian Miracle" sebagai suatu faktor penting yang telah membawa kepada prestasi ekonomi negara-negara Asia Timur yang begitu cemerlang dalam dekad-dekad tujuh puluhan dan lapan puluhan.

Tuan Yang di-Petua, salah satu unsur yang meninggalkan kesan besar ke atas dorongan, prestasi dan daya pengeluaran sektor awam ialah struktur gaji dan syarat-syarat perkhidmatannya. Di sini, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya selalu menyemak semula struktur gaji ini supaya memastikan ianya tidak jauh ketinggalan daripada struktur gaji di sektor swasta. Kalau lompong yang wujud

di antara kedua-dua ini amat besar dan kalau ianya dibiarkan begitu sahaja, saya kluatir dan bimbang sektor awam akan kehilangan tenaga buruh yang cekap dan berpengalaman. Tambahan lagi, sektor awam ini tidak dapat bersaing dengan sektor swasta dalam pengambilan tenaga buruh yang berkelayakan dan bermutu tinggi. Lama-kelamaan, mutu dan kecekapan sektor awam akan merosot sementara dorongan kakitangannya akan juga jatuh.

Pada suatu ketika dahulu, sektor awam di Malaysia dapat menarik ramai orang yang berkelayakan dan bermutu tinggi menceburkan diri dalam sektor itu. Ini adalah kerana jurang antara struktur gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan di sektor awam dan sektor swasta adalah tidak begitu besar. Oleh yang demikian, sektor awam di Malaysia selama ini dapat mempertahankan kecekapannya dan ini telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan yang amat menarik sekali. Akan tetapi, kini kita dapati struktur gaji di sektor awam adalah jauh ketinggalan dengan apa yang terdapat di sektor swasta. Kalau Kerajaan membiarkan ini berterusan, sektor awam akan menghadapi masalah mendapatkan tenaga buruh yang baik dan berdorongan tinggi. Sektor ini hanya boleh mendapatkan tenaga buruh yang berkelayakan rendah secara bandingannya dan yang tidak mempunyai dorongan yang tinggi. Ini akan menjatuhkan kecekapan sektor awam dan seterusnya daya saingan ekonomi Malaysia akan juga turut merosot.

Justeru itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan Malaysia menaikkan gaji keseluruhan kakitangan sektor awam dan dengan cara yang demikian mengurangkan lompang antara gaji sektor awam dan

sektor swasta. Di sini, contoh Singapura harus kita ikuti. Di Singapura, Kerajaan sering menyelaraskan gaji kakitangan sektor awamnya selaras dengan prestasi sektor ini dan keseluruhan ekonomi dan juga gaji yang terdapat di sektor swasta. Imbuhan juga dibayar setiap tahun kalau prestasi ekonomi adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sedar akan hal itu dan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mencapai matlamat peningkatan kecekapan sektor awam ini. Di antara langkah-langkah ini ialah penswastaan. Melalui penswastaan, sebahagian daripada kakitangan awam akan dipindahkan ke sektor swasta di mana gaji adalah lebih baik. Pada masa yang sama, bilangan kakitangan di sektor awam akan berkurangan dan ini akan membolehkan Kerajaan membayar gaji yang lebih baik kepada baki kakitangan yang tertinggal di sektor awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersetuju dengan prinsip-prinsip penswastaan, akan tetapi kita harus berawas-awas semasa pelaksanaannya. Penswastaan, apabila dijadikan sebagai salah satu unsur dalam suatu pakej keseluruhan boleh merangsangkan usaha swasta. Akan tetapi, kalau ianya dilaksanakan dengan tergesa-gesa, maka penswastaan akan mendatangkan lebih banyak keburukan daripada faedah.

Di sini saya ingin merayu kepada Kerajaan agar melaksanakan penswastaan sedemikian rupa sehingga dapat mencapai matlamat utamanya iaitu mempertingkatkan kecekapan.

Dalam hal ini, salah satu perkara yang mesti diambil berat oleh Kerajaan ialah memastikan terdapat suatu persekitaran yang lebih bersaing selepas berbanding dengan sebelum penswastaan. Kajian telah menunjukkan tindakan yang dapat mewujudkan persekitaran yang lebih bersaing adalah lebih mustahak daripada pemindahan hakmilik. Ini disebabkan tiadanya bukti yang menunjukkan bahawa perusahaan swasta adalah lebih cekap daripada perusahaan awam. Ini adalah kerana hakmilik bukanlah penentu utama kecekapan. Yang menentukan kecekapan ini ialah persekitaran di mana sesuatu perusahaan awam ini beroperasi. Kalau persekitaran ini adalah penuh dengan persaingan yang hebat, maka sesuatu perusahaan, tidak kira swasta atau awam, akan mencapai prestasi yang baik.

Oleh yang demikian, dalam menjalankan penswastaan, Kerajaan harus memastikan sejauh mungkin sesuatu monopoli awam seperti telekomunikasi atau tenaga elektrik tidak terus kekal sebagai monopoli selepas penswastaan. Jika mengekalkan sebagai suatu monopoli tidak dapat dielakkan dan memang dalam kedua-dua utiliti ini tidak dapat dielakkan, maka Kerajaan harus memastikan monopoli swasta adalah tertakluk kepada pengawalseliaan yang ketat.

Saya sedar bahawa bagi telekomunikasi dan tenaga elektrik di negara kita memang adanya pengawalseliaan **ini**. Tetapi setahu saya, pihak yang bertanggungjawab ke atas pengawalseliaan ini tidak dipandu oleh sebarang formula atau rumusan dalam mengawalselia Syarikat Telekom Malaysia Berhad atau Tenaga Nasional Berhad. Ini bererti kedua-dua syarikat monopoli ini tidak dimestikan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan daya pengeluaran mereka atau kalau kedua-duanya mencapai peningkatan dalam daya pengeluaran pun, pengawalseliaan tidak mewajibkan mereka memindahkan sebahagian daripada kenaikan dalam daya pengeluaran mereka kepada para pengguna, umpamanya dalam bentuk harga yang lebih rendah.

Di sini, saya ingin merayu kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengambil guna satu formula yang saintifik dalam pengawalseliaannya ke atas kedua-dua **utiliti** monopoli swasta. Hanya dengan adanya formula sedemikian, barulah kegiatan pengawalseliaan dapat dilakukan dengan lebih teratur. Ini seterusnya akan memastikan kedua-dua monopoli iaitu STMB dan TNB tidak dapat menyalahgunakan kuasa monopoli mereka.

Tuan Yang di-pertua, kenaikan dalam kecekapan agensi-agensi Kerajaan dan perusahaan-perusahaan awam tidak hanya dapat dicapai melalui penswastan sahaja ianya tentulah ada kaedah-kaedah yang lain. Salah satu daripada kaedah lain itu ialah reformasi perusahaan-perusahaan awam **ini**, umpamanya budaya dan nilai-nilai korporat yang sering diamalkan di sektor swasta boleh diperkenalkan kepada perusahaan-perusahaan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, Malaysia dijangka akan mencatatkan suatu lebihan dalam akaun semasa imbalan pembayaran sebanyak RM511 juta pada tahun 1993. Lebihan ini dijangka akan meningkat kepada RM3.2 bilion pada tahun 1995. Lebihan ini dicapai hasil daripada lebihan yang besar, yang dicapai dalam akaun perdagangan yang dapat mengatasi kekurangan dalam akaun perkhidmatan. Kajian tentang akaun perkhidmatan jelas menunjukkan bahawa ianya akan terus mengalami satu kekurangan yang besar iaitu RM12.9 bilion pada tahun ini dan RM12.4 bilion pada tahun 1995. Butir-butir yang menyumbang kepada kekurangan yang besar ini ialah perkapalan dan insurans serta pendapatan pelaburan.

Walaupun akaun semasa imbalan pembayaran negara kita akan mencatatkan satu lebihan yang agak sihat sehingga penghujung tempoh Rancangan Malaysia Keenam, namun saya kurang senang dengan kedudukan kita dalam sektor perkhidmatan. Kedudukan yang kurang sihat ini menunjukkan keupayaan negara kita yang terhad dalam kedua-dua perkhidmatan perkapalan dan insurans. Setahu saya, Bank Negara Malaysia telah beberapa tahun dahulu menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kecil Perdagangan Tidak Ketara guna untuk mengkaji kelemahan-kelemahan negara kita dalam kedua-dua sektor perkhidmatan ini dan seterusnya mengesyorkan langkah-langkah bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini. Saya ingin tahu apakah kelemahan-kelemahan negara kita dalam perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan dan insurans dan bagaimana Kerajaan bercadang untuk memperkukuhkan keupayaan penawaran dalam kedua-dua sektor ini supaya kita dapat mengurangkan pergantungan kita ke atas syarikat-syarikat perkapalan dan insurans asing.

Saya rasa aliran keluar pendapatan pelaburan adalah agak besar juga. Ini mungkin adalah lantaran daripada wujudnya stok pelaburan asing yang besar di negara **ini**. Walaupun negara kita harus terus menggalakkan pelaburan asing, namun kita harus pada masa yang sama menumpukan perhatian terhadap isu pengaliran keluar pendapatan pelaburan yang besar ini. Salah satu cara ialah menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di negara-negara lain seperti Republik Vietnam. Yang penting, insentif-insentif fiskal harus diberikan kepada pelabur-pelabur Malaysia di seberang laut supaya menggalakkan mereka membawa balik keuntungan dan dividen mereka. Ini akan mengseimbangkan aliran keluar dan justeru itu mengurangkan aliran keluar bersih pendapatan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting ialah bahawa Malaysia harus memperkembangkan kapasiti eksportnya dalam perkhidmatan. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, perdagangan antarabangsa dalam perkhidmatan makin lama makin bertambah. Trend ini akan dijangka berterusan, lebih-lebih lagi dengan berjayanya perundingan Pusingan Uruguay ke atas perdagangan antarabangsa. Salah satu komponen penting Persetujuan Pusingan Uruguay ini ialah perdagangan antarabangsa dalam perkhidmatan. Maksud saya negara-negara yang menyertai GATT mesti membuka pasaran mereka untuk import perkhidmatan dari negara-negara lain. Bagi kita di Malaysia, kita mesti memperkembangkan kapasiti penawaran perkhidmatan kalau kita ingin memperolehi sebahagian daripada pasaran antarabangsa yang kian berkembang dalam perkhidmatan ini, Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang saya maksudkan termasuk pendidikan, kesihatan dan, dengan izin, conferencing.

Selain daripada kuat berusaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan cemerlang yang dapat mengeksport perkhidmatan ini kepada negara-negara lain, khasnya negara-negara tertangga, kita harus berusaha menjadikan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebagai pusat-pusat persidangan antarabangsa yang unggul. Setakat ini, Bangkok telah merebut tempat pertama sebagai pusat persidangan antarabangsa di rantau ini. Akan tetapi dengan kesesakan lalulintas serta pencemarannya yang makin teruk dan serius, Bangkok mungkin akan kehilangan statusnya sebagai pusat persidangan antarabangsa yang utama di rantau ini. Di sini, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bakal boleh mengisikan kekosongan itu tetapi beberapa syarat mesti terlebih dahulu dipenuhi:-

- (i) kemudahan-kemudahan telekomunikasi, elektrik, pengangkutan awam, kesihatan dan penterjemahan mesti diperbaiki hingga mencapai tahap yang amat tinggi;
- (ii) lebih banyak dewan persidangan yang bertaraf antarabangsa mesti dibina; dan
- (iii) mutu alam sekitar mesti juga dipertingkatkan.

Saya yakin sekiranya semua syarat ini dan lain-lain lagi dapat dipenuhi, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bakal boleh dijadikan sebagai pusat-pusat persidangan antarabangsa yang utama di rantau ini. Adanya kesemua kemudahan ini serta dasar imigresen yang liberal akan juga menjadikan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebagai pusat-pusat bagi penempatan semula ibu pejabat syarikat-syarikat multinational di rantau ini.

DN.27.12.93-64-

Kalau dapat dijayakan, Malaysia bakal boleh memperolehi pertukaran asing yang besar daripada kedua-dua aktiviti ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia kini telah menjadi tuan rumah kepada kira-kira satu juta pekerja asing terutamanya dari Indonesia. Bilangan ini memang besar khususnya bagi sebuah negara yang kecil seperti Malaysia. Malaysia telah berjaya menarik begitu ramai pekerja asing oleh kerana negara kita sedang menghadapi satu masalah kekurangan tenaga buruh, tambahan lagi upah serta lain-lain syarat perkhidmatan yang ditawarkan adalah jauh lebih baik daripada apa yang terdapat di negara-negara asing ini.

Walau apa pun, pada hemat saya, negara kita tidak boleh terus bergantung kepada buruh asing bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh. Langkah-langkah lain mesti dicari bagi mengatasi masalah ini. Salah satu caranya ialah melalui automation dan 'robotization', dengan izin. Tetapi supaya automation ini akan dilakukan oleh pihak majikan, upah mesti dinaikkan. Hanya melalui peningkatan dalam upah buruh, barulah para majikan didesak untuk menggunakan teknik-teknik yang lebih berintensif modal. Ada yang khuatir peningkatan dalam upah ini akan menaikkan kos pengeluaran seunit barang dan justeru akan menjadikan Malaysia kehilangan daya saingannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak semestinya berlaku. Kalau peningkatan dalam upah disertai dengan peningkatan dalam daya pengeluaran atau productivity, dengan izin, maka kenaikan dalam kos pengeluaran tidak akan berlaku. Sebenarnya, kenaikan dalam daya pengeluaran pasti berlaku dengan penggunaan teknik-teknik intensif modal oleh syarikat-syarikat berikutan kenaikan dalam upah buruh. Mungkin ada di antara proses-proses pengeluaran yang tidak dapat menggantikan buruh dengan modal. Bagi syarikat-syarikat yang terpaksa menggunakan teknik intensif buruh ini, mereka boleh mengambil pekerja dari kalangan rakyat Malaysia yang kini bekerja di Taiwan, Jepun dan Amerika Syarikat. Pekerja-pekerja Malaysia ini sedia kembali ke tanah air kalau upah yang ditawarkan adalah lebih lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu penting yang saya ingin bangkitkan lagi ialah berkenaan pengagihan pendapatan. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, "coefficient gene" telah meningkat daripada 0.446 pada tahun 1990 kepada 0.459 pada tahun ini akibat kadar-kadar pertumbuhan berlainan dalam pendapatan di kalangan berlainan kumpulan. Umpamanya, pendapatan isirumah bagi kumpulan kedua puluh peratus tertinggi telah bertambah pada 10.9% antara 1991 hingga 1993. Sementara kumpulan empat puluh peratus pertengahan dan terendah, masing-masing mencatatkan pertumbuhan dalam pendapatan isirumah sebanyak 9.9% dan 8.4% dalam tempoh yang sama. Peningkatan dalam "coefficient gene" menunjukkan pengagihan

pendapatan antara berbagai-bagai kumpulan pendapatan telah bertambah tidak setara. Bagi saya ini adalah satu perkara yang serius memandangkan kepada hakikat bahawa pertumbuhan disertai dengan kesetaraan dalam pengagihan pendapatan adalah matlamat utama strategi pembangunan Kerajaan Barisan Nasional.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengambil berat akan perkara ini agar ianya tidak akan bertambah buruk lagi. Dalam hal ini, Kerajaan harus mengkaji apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem pasaran bebas yang diamalkan di negara kita ini dan kemudian mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang penting lagi adalah berkait dengan pembangunan berterusan atau, dengan izin, sustainable development. Memang adalah menjadi matlamat negara kita hendak menggalakkan pembangunan berterusan. Ini adalah kerana pembangunan yang berterusan memandang berat akan isu pemuliharaan sumber-sumber semula jadi. Dengan ini, sumber-sumber asli tidak habis dipupuskan dalam satu generasi tetapi adanya yang tertinggal untuk faedah generasi yang akan datang. Pembahagian faedah yang didapati daripada eksploitasi sumber-sumber ini antara generasi adalah lebih saksama.

Saya berharap Kerajaan tidak ketepikan matlamat pembangunan berterusan ini tetapi akan kekal dengannya. Justeru, Kerajaan harus sering berjaga-jaga dalam eksploitasi sumber-sumber asli seperti hutan, minyak dan gas asli supaya memastikan sumber-sumber ini tidak

dipupus pada kadar yang berlebihan dan melampau. Selain daripada ini, Kerajaan harus juga sering mengambilkira akan kos sosial yang diakibatkan oleh proses pembangunan. Kos sosial mesti diberikan nilai ekonomi dan kemudian ditolak daripada faedah untuk mendapatkan faedah bersih bagi setiap projek pembangunan. Sering kali apa yang berlaku di negara ini ialah bahawa hanya faedah sahaja yang dinilai tanpa kos sosial diambilkira dan dinilai. Ini seterusnya telah membesar-besarkan nilai faedah bersih.

Umpamanya, dalam penebangan pokok-pokok dari hutan, nilai kayu yang didapati dikira dan ditambah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Tetapi seperti apa yang kita sedia maklum, proses pembersihan hutan ada menimbulkan kos sosial seperti hakisan tanah yang seterusnya mengakibatkan sedimentasi di sungai-sungai dan seterusnya mengakibatkan banjir. Segala kos ini mesti ditolak daripada nilai kayu yang didapati dari hutan untuk mendapatkan nilai bersih dan hanya nilai bersih ini sahaja yang patut diambilkira dalam pengiraan KDKK.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jabatan Statistik dengan kerjasama dari EPU dan Perbendaharaan akan berusaha mengikut arah ini, kalau usaha ini belum dimulakan lagi. Ini adalah penting kerana hanya dengan adanya kaedah perakaunan negara seumpama ini, barulah kita boleh mendapat suatu gambaran yang lebih tepat tentang faedah bersih dan nilai kos sosial yang ditanggung oleh masyarakat semasa pembangunan dijalankan. Usaha-usaha kemudian boleh diambil untuk meminimumkan kos sosial ini demi faedah masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan khasnya di peringkat tempatan akan lebih ketat dalam mengesani pembangunan supaya memastikan pembangunan ini tidak menimbulkan masalah alam sekitar yang rumit. Kalau ada menimbulkan masalah sedemikian, Kerajaan pada apa peringkat jua pun, mestilah tidak teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya di sisi undang-undang yang berkenaan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Dalam hal ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya mewajibkan EIA (Environmental Impact Assessment) dilakukan ke atas lebih banyak lagi projek pembangunan. Bukan itu sahaja, Kerajaan harus menetapkan bahawa sesuatu projek hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan EIA yang mesti dijalankan oleh pakar-pakar perunding yang betul-betul mempunyai kepakaran mengenai kesan dan impact sesuatu projek ke atas alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini adanya tiga masalah berkait dengan kajian EIA. Yang pertama, walaupun EIA sering kali perlu dijalankan, namun pelaksanaan sesuatu projek tidak tertakluk kepada syarat mendapat kelulusan EIA. Maksud saya ialah sesuatu projek masih boleh diteruskan walaupun EIA telah dilakukan dan meskipun EIA ini mendapati projek ini tidak patut dilaksanakan kerana pelaksanaannya dijangka meninggalkan impact yang negatif ke atas alam sekitar. Tiadanya undang-undang yang mewajibkan bahawa sesuatu projek apabila memerlukan kajian EIA hanya dapat diteruskan setelah mendapat kelulusan EIA.

Yang kedua, banyak di antara EIA kini dibuat oleh mereka yang tidak mempunyai kepakaran mengenai impact sesuatu projek ke atas alam sekitar. Saya berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan lebih berawas-awas dalam hal pengambilan perunding-perunding oleh syarikat-syarikat swasta untuk menjalankan EIA. Saya pernah mendengar adanya pakar perunding yang sedia menulis laporan EIA yang baik bagi sesuatu projek, kerana telah dibayar bayaran yang besar bagi perkhidmatannya sungguhpun projek ini tidak patut diluluskan dari segi impactnya ke atas alam sekitar. Saya berharap, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengadakan pendapat kedua atau, dengan izin, second opinion ke atas setengah laporan EIA yang disyaki kekurangan taraf ikhtisas.

Yang ketiga, EIA hanya diperlukan bagi projek-projek perumahan atau peranginan yang meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.

Justeru itu, jika luas tanah yang diduduki oleh sesuatu projek adalah kurang daripada 50 hektar, tetapi terdapat di lereng bukit yang agak bercerun, maka EIA tidak diperlukan. Ini merupakan suatu kelemahan yang agak serius yang harus diperbetulkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang saya baru sebutkan, adanya suatu perkara lagi berkait dengan alam sekitar yang amat penting yang saya ingin bangkitkan. Ini adalah berkenaan dengan Akta Pemuliharaan Tanah 1960. Baru-baru ini satu tragedi yang menyedihkan keseluruhan rakyat Malaysia telah berlaku, iaitu tragedi runtuh Highland Towers di Hulu Kelang, Kuala Lumpur. Tragedi ini adalah sedikit-sebanyak akibat pemusnahan alam sekitar, khasnya di lereng bukit.

Dalam ucapan saya lebih awal tadi, saya telah menitikberatkan akan betapa pentingnya kos sosial dalam bentuk hakisan tanah, pengelodakan atau, dengan izin, 'siltation' dan lain-lain lagi diminimumkan, kalau tidak disingkirkan sama sekali dalam proses pembangunan. Ini adalah kerana kos-kos ini mendatangkan berbagai-bagai kerumitan kepada masyarakat di mana ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, setelah tragedi Highland Towers berlaku, segala pembinaan di atas dan di lereng bukit telah diberhentikan atas arahan Kabinet. Ini adalah langkah yang baik dan harus dikuatkuasakan dengan tegas sehingga kesemua projek yang sedang dijalankan dipastikan selamat daripada semua aspek. Selain daripada itu, adalah penting Rang Undang-undang yang mengawal pembangunan di atas dan di lereng bukit dikaji semula. Setakat ini hanya terdapat

satu Rang Undang-undang sahaja bagi maksud **ini**, iaitu Akta Pemuliharaan Tanah atau, dengan izin, Land Conservation Act 1960. Pindaan-pindaan kalau perlu, harus dibuat ke atas Akta ini agar ianya dijadikan lebih ketat lagi. Yang lebih mustahak, penguatkuasaannya mestilah tegas dan ketat. Satu kajian mengenai Akta ini mendapati ianya mempunyai kelemahan-kelemahan berikut:

- (i) Akta ini tidak memberi definisi yang terang tentang apakah yang dimaksudkan dengan 'tanah bukit';
- (ii) walaupun Akta ini tidak menyerahkan kuasa kepada pihak-pihak berkuasa di peringkat negeri untuk degazette tanah yang telah diisytiharkan sebagai 'tanah bukit', namun ianya sering dilakukan; dan
- (iii) penalti yang dikenakan ke atas pihak yang melanggar Akta ini adalah ringan sahaja dan tidak dapat mencegah aktiviti-aktiviti giat daripada dijalankan di atas dan di lereng bukit.

Oleh kerana Akta ini digubalkan 30 tahun dahulu, tumpuannya adalah kepada bagaimana mengawal dan menyelia kegiatan-kegiatan pertanian di atas dan di lereng bukit. Memandangkan kepada adanya kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas, saya ingin merayu kepada pihak tertentu supaya membuat pindaan-pindaan yang berpatutan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas. Di antaranya, pindaan-pindaan ini mesti meliputi yang berikut:

- (i) suatu definisi yang jelas tentang apakah yang diertikan sebagai 'tanah bukit' mesti diberikan;
- (ii) sekatan-sekatan harus dikenakan ke atas pihak-pihak berkuasa di peringkat negeri dalam hal 'degazetting' tanah bukit;

- (iii) penalti yang dikenakan ke atas mereka yang melanggar Akta Pemuliharaan Tanah mesti dipertingkatkan supaya dapat mencegah aktiviti-aktiviti di atas dan di lereng bukit; dan
- (iv) skop Akta ini mesti diperluaskan sehingga merangkumi kegiatan-kegiatan yang lain daripada pertanian seperti perumahan.

Pindaan-pindaan ini dan lain-lain lagi yang didapati sesuai dan perlu harus diikuti dengan penguatkuasaan Akta secara ketat. Saya yakin sekiranya Kerajaan terus menumpukan perhatiannya ke atas soal peminimuman kos sosial, tragedi-tragedi seperti runtuh Highland Towers tidak akan berlaku lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikah Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, matlamat utama pembangunan haruslah mempertingkatkan mutu kehidupan atau "quality of life", dengan izin. Mutu kehidupan ini dapat dipertingkatkan dengan memastikan, di antara lain, mutu alam sekitar yang lebih selesa. Ini bererti dalam mengejar pertumbuhan, kita tidak harus melupakan akan peri mustahaknya mutu alam sekitar. Kalau tidak, manusia mungkin terus menikmati kenaikan dalam pendapatan sebulan, tetapi pada masa yang sama mereka terpaksa mengalami kesesakan lalu lintas di bandar-bandar besar, banjir, pencemaran udara, air dan pantai, menghidap kesan berbagai-bagai habuk galian yang kesemuanya akan menjatuhkan mutu hidup mereka.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan ucapan tahniah sekali lagi kepada rakyat dan Kerajaan Malaysia ke atas pencapaian ekonomi mereka yang begitu cemerlang bagi tempoh 1991 hingga 1993. Mudah-mudahan kerjasama antara rakyat dan Kerajaan Barisan Nasional dapat berterusan sehingga dapat mengekalkan prestasi ekonomi yang cemerlang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Zaleha.

4.38 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalammu-alaikum-warahmatullahi-ta'ala-wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).

Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan, terutama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri yang telah pun berjaya membentangkan satu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dengan mempunyai agenda pembangunan yang begitu tersusun dan komprehensif. Di samping itu, saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah sekali lagi kepada pihak Kerajaan kerana prestasi ekonomi negara yang sangat membanggakan. Semua ciri-ciri 'fundamental' keutuhan sesebuah ekonomi berjaya dicapai dengan kadar yang sangat cemerlang. Pertumbuhan KDNK mencatat 8% pendapatan per kapita dan naik dengan kadar 10.8%. Kadar inflasi pada September 1993 hanya sekadar 2.9% sahaja berbanding 4.7% pada tahun yang lalu. Pengangguran telah pun

berjaya dikurangkan ke paras 3%. Kadar ini membuktikan negara berada di paras gunatenaga yang penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah kerana menjadi rakyat Malaysia dan berada di dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai penyusunan agenda pembangunannya yang begitu tersusun dan rapi dengan perimbangan pembangunan yang mempunyai perimbangan antara pembangunan fizikal dan pembangunan kerohanian ataupun pembangunan dalam sudut kebendaan dan pembangunan tidak kebendaan.

Saya berbangga kerana Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun melaksanakan segala usaha-usaha ke arah yang demikian. Sesuai sebagai seorang Islam, di dalam doa kita orang Islam sendiri, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Allahuma Rabbana atina fiddunya hasanah, walfil-akhirati hasanah waqina azabannar". Itu adalah suatu kehendak dan asas yang telah pun dibuktikan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran bahawa perlunya ada perimbangan pembangunan keduniaan dan kerohanian, antara pembangunan duniawi dan akhirat sendiri.

Di sini, saya ingin menyentuh dalam tuduhan-tuduhan daripada pihak-pihak yang telah pun menentang pada kepimpinan Kerajaan yang ada sekarang ini, sentiasa menyatakan konon Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melaksanakan usaha-usaha ke arah pembangunan yang berimbang, ke arah pembangunan yang menepati dengan kehendak perimbangan keduniaan dan keakhiratan.

Saya melihat perimbangan pembangunan ini telah diusahakan oleh Kerajaan dengan begitu gigih sekali. Walaupun Kerajaan dalam usaha membangunkan negara ini ke arah sebuah negara industri menuju kepada kehendak yang telah dicetuskan dalam Wawasan, tetapi perimbangan ini terus dilaksanakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan mengimbangkan antara tuntutan kebendaan dan bukan kebendaan ataupun duniawi dan akhirat

ini, saya ingin menyampaikan ataupun saya ingin melontarkan pandangan saya dalam beberapa perkara:

Pertama, Kerajaan dalam meneruskan perimbangan pembangunan ini, penubuhan lebih banyak sekolah-sekolah menengah agama di seluruh negara perlu diadakan; mengadakan peruntukan yang lebih besar untuk meningkatkan syiar Islam, di samping memperbanyakkan Pusat-pusat Latihan Bina Semangat; memperluaskan lagi perkhidmatan dan peranan Pusat Islam dalam menegakkan Islam dan juga menegakkan keimanan sebagai tunjak akidah dan juga di samping melaksanakan penghayatan hidup umat Islam di negara ini serta peranan yang perlu diperluaskan. Kerana apa yang saya lihat pada masa kini dalam menghapuskan penyelewengan akidah, dalam menghapuskan beberapa perkara yang tidak selaras dengan kehendak Islam, dalam menghapuskan beberapa kefahaman-kefahaman yang menyeleweng daripada kefahaman yang dikehendaki oleh Islam, saya nampak Pusat Islam tidak begitu dapat menghulurkan peranannya ke negeri-negeri, oleh kerana ianya dibataskan oleh peranan negeri lebih mengatasi daripada Pusat Islam sendiri.

Saya difahamkan bila berlaku sesuatu fahaman ataupun ajaran-ajaran sesat di dalam negara kita sekarang ini, pihak Pusat Islam hanya mampu untuk memberi nasihat semata-mata, tetapi ia tidak mampu untuk membuat suatu penahanan ataupun untuk membendung dalam bentuk yang efektif demi untuk kepentingan umat Islam dalam negara ini. Di samping itu juga, kita lihat banyak agensi-agensi Kerajaan

yang ditubuhkan terutama Institut Kefahaman Islam, Yayasan Dakwah Islamiah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya difahamkan, gangguan kefahaman umat Islam, penyelewengan kefahaman umat Islam, kurang kefahaman umat Islam dibidang Islam ini sendiri masih tidak dapat dibendung lagi. Kita kedapatan masih banyak lagi di seluruh negara ini beberapa perkara yang sumbang berlaku, terutama di dalam memahami konsep Islam itu sendiri.

Kalau kita dengar ucapan dalam Belanjawan yang lalu, bagaimana Yang Berhormat dari PAS menyatakan bahawa pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, kononnya apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan semuanya tidak Islamik. Apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak menampakkan seolah-olah Kerajaan bercita-cita mewujudkan sebuah negara Islam, khususnya dalam pelaksanaan-pelaksanaan yang berkaitan dengan Islam. Kita nampak tuduhan ini adalah dengan kerana ia merasakan bahawa seolah-olah padanya apa yang dilakukan dalam parti-nya sendiri itu, seolah-olah itu adalah kehendak Islam. Pada saya, ini juga merupakan suatu kefahaman yang salah dalam Islam. Peranan Pusat Islam perlu dikembangkan ke arah untuk membanteras keadaan yang sedang berlaku pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga dalam soal pembangunan kerohanian. Pembangunan di bidang ketidakbendaan ini iaitu dalam bidang Pusat Islam sendiri mengenai peranan masjid di seluruh negara pada masa kini.

Pada masa.kini, saya nampak masjid di seluruh negara ini, saya tidak faham bagaimanakah caranya pengendalian dan penyelarasan yang dilakukan oleh Kerajaan di bidang kuasa Pusat Islam dengan pihak Kerajaan Negeri.

Sebenarnya, masjid adalah merupakan sebagai sumber ilmu dalam konteks pembinaan budaya ilmu, masjid merupakan markas pendidikan yang terunggul dalam menyalurkan ilmu kepada ummah di dalam sebuah negara.

Ditinjau dalam tamadun keilmuan Islam, masjid juga didapati memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan dan penyimpanan, penyebaran maklumat seperti buku-buku, dokumen, rekod-rekod dan sebagainya.

Kegemilangan ilmu Islam dalam sejarah telah menunjukkan kepada kita bagaimana mustahaknya diwujudkan perpustakaan yang teratur di tiap-tiap masjid di negara ini, dengan kerjasama antara pihak masjid yang telah pun ditetapkan, dikendalikan oleh pihak Kerajaan Negeri, tetapi ia boleh diselaraskan dengan kerjasama perpustakaan awam. Kewujudan dan perkembangan aktiviti perpustakaan masjid adalah aset yang penting dalam membentuk budaya ilmu dan masyarakat Islam.

Aktiviti dan peranan Pusat Islam perlu diambil kira dalam melahirkan umat Islam yang benar-benar mempunyai budaya ilmu, khususnya pelbagai ilmu dan perpustakaan yang dibentuk di setiap masjid di seluruh daerah dalam negara ini adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin menyentuh dalam soal pembasmian kemiskinan. Dalam soal pembasmian kemiskinan ini,

saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana telah berjaya melaksanakan ataupun melancarkan jihad membasmi kemiskinan.

Kita telah nampak pengurangan yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan perdana Menteri dalam membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam sebentar tadi, menyatakan bahawa kadar pengangguran ataupun pengurangan kadar kemiskinan yang termiskin di dalam negara ini telah turun daripada 4% pada tahun 1990 kepada 3% pada tahun 1993 menerusi berbagai-bagai rancangan terutama rancangan PPRT dan ASB.

Saya sebagai rakyat yang ada di dalam negara ini, ingin menyatakan kepada pihak Kerajaan khususnya rakyat yang berada di negeri Kelantan, ingin menyatakan ucapan syukur saya kepada Allah S.W.T. Kerana Kerajaan Barisan Nasional, walaupun tidak memerintah negeri Kelantan, walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah ditolak oleh rakyat Kelantan dalam pilihanraya tahun 1990 yang lalu, tetapi program-program pembasmian kemiskinan di bawah PPRT dan ASB dilaksanakan. Walaupun kami Barisan Nasional dalam masa perbincangan mengenai Belanjawan 1994 telah disindir oleh Yang Berhormat dari PAS, tetapi dia tidak ada dalam Majlis ini, dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Dia telah menyindir kononnya ASB itu adalah ASU iaitu Amanah Saham UMNO. Walau apa cara sekali pun, saya ingin menegaskan kerana saya tidak berkesempatan menyatakan dalam ucapan Belanjawan yang lalu, tetapi dalam pelaksanaan pembasmian kemiskinan ini, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah melaksanakan keadilan, melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, menyampaikan semua sekali skim PPRT dan ASB itu kepada mereka yang tidak mampu tidak mengira daripada apakah golongan mereka. Berlainan dengan PAS sendiri, apabila ia mewujudkan Kampung Taqwa di negeri Kelantan dia beri lembu, dia beri kepada orang PAS; kalau dia hendak beri longkang, dia beri kepada orang PAS. Ini terang, nyata dan jelas tetapi kita orang UMNO tidak berkecil hati. Tetapi oleh kerana Ahli-ahli Dewan Negara sebahagian besarnya tidak ada di sana, dia hanya membawa perkara ini di dalam Dewan Negara, maka kita tidak nampak apa yang sebenarnya.

PPRT dan ASB telah diberikan kepada seluruh rakyat Kelantan dalam keadaan beransur-ansur, dalam keadaan berdikit-dikit. Tidaklah diberi sekali gus. Tetapi walau bagaimanapun, ia telah mencapai matlamat pembasmian kemiskinan ataupun pengurangan kadar kemiskinan rakyat Kelantan sendiri. Di atas perkara ini, saya ingin mengemukakan satu pertanyaan kepada pihak Kerajaan, semenjak pelancaran ASB dan PPRT, berapakah jumlah peruntukan ini telah pun dilancar dan disumbangkan kepada rakyat Kelantan? Kedua-dua program PPRT dan ASB ini berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada negeri Kelantan? Apakah ada perbezaan pembahagian peruntukan

ini di antara negeri 'Kelantan, negeri Terengganu, negeri Pahang, negeri Kedah dan negeri-negeri yang lain? Sebab apa yang dituduh kononnya Kerajaan Persekutuan telah menganak-tirikan negeri Kelantan dalam sumbangan untuk menyampaikan sumbangan PPRT dan ASB ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kepada Dewan yang mulia ini, sebagai seorang Islam saya berbangga dan saya bersyukur kepada Allah kerana berada di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, di dalam peringkat Persekutuan walaupun saya gagal di negeri Kelantan yang diperintah oleh satu golongan yang hanya menjadikan agama sebagai alat untuk kepentingan mereka. Saya telah pun mengucap syukur kepada Allah kerana Kerajaan Barisan Nasional dalam pelaksanaan setiap projek, dalam pelaksanaan setiap program, dalam pelaksanaan apa sahaja bentuk untuk kepentingan rakyat berdasar dan berlandaskan, dengan izin, Rasulullah telah menyatakan yang bermaksud, "sesiapa yang tidak berkehendak untuk mengurus dengan hal ehwal orang-orang Islam, bukanlah ia dari golongan kami". Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional sama ada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, sama ada Rancangan Malaysia Kelima. sama ada Rancangan Malaysia yang seterusnya, Kerajaan Barisan Nasional dalam apa bentuk program yang dilaksanakan sama ada dalam Rancangan Pembasmian Kemiskinan, sama ada dalam rancangan-rancangan pembangunan fizikal, infrastruktur dan sebagainya; tetapi Kerajaan Barisan Nasional tetap berada di bawah, dengan izin, yang bermaksud, "iaitu dalam menguruskan hal ehwal orang Islam dan rakyat

seluruhnya dalam negara **ini**". Maka inilah pada saya, apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam pembasmian kemiskinan **ini**, kami di negeri Kelantan amat berpuashati. Cuma kami ingin tahu - sekali lagi saya menegaskan berapakah peruntukan itu yang telah diberikan kepada rakyat Kelantan dalam usaha membasmi ataupun mengurangkan kadar kemiskinan dalam negeri tersebut.

Di samping **itu**, saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan perlu bukan hanya untuk mengurangkan kadar kemiskinan dari segi jumlah ataupun bilangan orang miskin. Kerajaan perlu memperbanyakkan program latihan supaya orang-orang miskin hidup berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Kita mahu pihak Kerajaan bukan hanya melatih dan membentuk rakyat-rakyat yang miskin ini sentiasa bergantung dan berharap kepada Kerajaan semata-mata. Saya telah difahamkan di dalam ajaran Islam sendiri, dengan izin, yang bermaksud, "tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah". "Orang yang memberi lebih baik daripada orang yang menerima". Ertinya, Kerajaan perlu mengadakan program-program dan latihan-latihan supaya orang-orang miskin bukan hanya hidup bergantung kepada Kerajaan semata-mata tetapi ianya perlu berdikari supaya ia tidak menjadi manusia yang hanya meminta-minta.

Kedua, penekanan pembasmian kemiskinan bukan hanya mengurangkan jumlah dan bilangan orang miskin tetapi perlu mencari ikhtiar supaya orang miskin tidak terperangkap semula dengan kemiskinan sebaik sahaja mereka keluar daripada lingkaran kemiskinan. Apabila Kerajaan telah berjaya mengeluarkan seseorang ataupun golongan

miskin ini daripada terperangkap dalam kemiskinan, Kerajaan perlu membuat perancangan dan perencanaan supaya orang-orang miskin ini tidak akan terperangkap lagi sekali berada dalam lingkaran kemiskinan.

Keempat, sekali pun bantuan kepada orang miskin wajar diteruskan, tetapi cara membasmi kemiskinan alternatif yang lebih baik, yang lebih bijaksana hendaklah dicari dan mengadakan kemahiran sebagai penyelesaian yang munasabah dan lojik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan yang ketiga dalam pembentukan pembangunan kemanusiaan. Dalam membangunkan negara, Kerajaan jangan hanya sekadar menitikberatkan kebendaan semata-mata. Yang lebih diutamakan ialah pembangunan kemanusiaan itu sendiri. Rasionalnya saya menekankan pembangunan manusia adalah kerana bagi saya manusia merupakan satu aset yang paling berharga. Sesebuah organisasi boleh maju dan mundur adalah berdasarkan manusia di dalamnya. Kalau manusia lemah runtuhlah organisasi itu. Kalau manusia hebat, hebatlah organisasi tersebut. Dalam pembangunan kemanusiaan, matlamat saya tidaklah hanya kita tumpukan kepada golongan yang tertentu sahaja, sebaliknya fokus hendaklah kepada setiap lapisan di desa ataupun di bandar, di pekan kecil ataupun di kota raya di mana kita perlu mengadakan berbagai-bagai program latihan, perlu meningkatkan potensi individu itu sendiri di samping sensitif dan peka terhadap kemajuan dan perkembangan yang ada. Dan cara mana untuk mereka memberikan sumbangan yang maksimum itu adalah bergantung kepada kemahiran dan juga kepada latihan yang diberikan. Untuk memupuk nilai-nilai

pembangunan kemanusiaan ini Kerajaan perlu memperbanyakkan lagi ganjaran dan juga sumbangan-sumbangan galakan dan insentif kepada mereka yang telah menunjukkan kejayaan di pelbagai bidang, sama ada di bidang perkhidmatan, pendidikan, kesukanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan ini saya ingin juga menekankan dalam kejayaan Kerajaan di bidang pertanian, Kementerian Pertanian dan Kerajaan janganlah melupakan bahawa ada satu perkara yang sedang dihadapi oleh petani-petani di Kelantan iaitu mengenai sistem yang telah pun dianjurkan oleh pihak Kementerian Pertanian sendiri iaitu sumbangan subsidi baja yang telah diberikan kepada rakyat Kelantan baru-baru ini. Sumbangan subsidi baja yang telah disumbangkan kepada rakyat Kelantan ialah dalam sistem pertanian tabur terus. Saya difahamkan oleh petani-petani di negeri Kelantan bahawa kadar yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian itu adalah tidak mencukupi kerana dalam sistem tabur terus ini, petani-petani memerlukan jumlah baja yang lebih daripada apa yang telah disumbangkan oleh Kerajaan pada masa ini.

Sebenarnya pada masa sekarang 6 paket 1 hektar itu telah diberikan kepada petani-petani. Tetapi telah diberi sungutan oleh petani bahawa kadar itu tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, kita bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian yang telah menyumbangkan subsidi pemberian baja kepada rakyat dan petani-petani di Kelantan dalam keadaan yang percuma.

Di negeri Kelantan ada dua pemberian baja. Pertama, menjual baja. Kerajaan negeri Kelantan sendiri di bawah pimpinan Kerajaan PAS telah menjual baja kepada rakyat Kelantan - RM3.00 satu paket. Tetapi Kerajaan Barisan Nasional menerusi Kementerian Pertanian telah menyumbangkan secara percuma. Walau bagaimanapun, kita dengar dari Ahli Yang Berhormat daripada PAS dalam ucapannya baru-baru ini masih tidak berpuas hati dengan kadar yang telah diberikan oleh Kementerian Pertanian, kononnya Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian memberi subsidi baja dengan menentukan golongan-golongan yang tertentu sahaja. Ertinya tidak ada keadilan. Saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional, menerusi Kementerian Pertanian yang telah menyalurkan baja percuma kepada rakyat Kelantan adalah tidak mengenal golongan manakah mereka ini. Malah setiap petani mendapat pemberian baja dengan percuma, melainkan petani-petani yang memang dia sendiri tidak memerlukan dan tidak mahu kepada pemberian Kerajaan Persekutuan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di bidang pendidikan. Dalam kejayaan Kerajaan. di bidang pendidikan ini, saya ingin menyatakan bahawa kalau kita melihat pada

keseluruhan, keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh pelajar-pelajar kita dalam peperiksaan amat mendukacitakan. Saya telah pun menerima satu kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sebagai rujukannya, telah menyatakan bahawa pencapaian peratus pelajar-pelajar Melayu dalam pencapaian markah mata-mata pelajaran penting seperti bahasa Inggeris dan Matematik adalah amat rendah dan tidak boleh dibanggakan. Oleh itu, saya memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mengambil kira dan menentukan di manakah kelemahan-kelemahannya yang menjadikan perkara-perkara yang seperti ini berlaku kepada pelajar-pelajar Melayu kita. Saya difahamkan juga bahawa komitmen pelajar Melayu terhadap pelajaran didapati merosot. Ini adalah berlaku hampir di semua peringkat persekolahan. Kajian ini dibuat oleh beberapa ahli-ahli pendidik. Oleh **itu**, saya memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam mengatasi perkara-perkara apa yang telah pun saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara ringkas yang dapat saya nyatakan dalam beberapa aspek untuk sama-sama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 ini. Dengan **itu**, saya menyokong atas apa yang telah pun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang mana satu? Puan Kian Sit Har.

5.04 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan sepatah dua pandangan saya berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Setelah Perdana Menteri kita menetapkan matlamat untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, kesemua lapisan masyarakat kita perlulah bekerjasama untuk menjayakan Wawasan ini dan bersama-sama untuk mencurahkan bakti dalam pembangunan negara. Semangat kerjasama dan usaha gigih untuk membangunkan negara pada masa-masa yang lalu merupakan aset terhadap perkembangan dan kejayaan negara pada masa ini. Wawasan 2020 adalah satu matlamat yang agung lagi murni. Rakyat kita pasti akan mencapai Wawasan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Dewasa **ini**, keadaan di negara kita amat baik. Ekonomi rakyat telah mencapai pertumbuhan yang membanggakan untuk beberapa tahun yang berterusan, dan pasaran negara kita juga menunjukkan perkembangan yang baik. Perkara yang sensitif serta perbahasan yang boleh melunturkan semangat toleransi dan perpaduan masyarakat. tidak lagi kedengaran di negara kita. Kesemua ini merupakan satu jaminan yang paling baik untuk membolehkan negara kita menuju ke arah menjadi sebuah negara yang lebih maju, bersatu-padu dan berkembang.

Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan polisi terbuka dalam sektor pendidikan. Kerajaan mengizinkan sekolah atau institusi peringkat tinggi untuk diswastakan dan menggalakkan universiti luar negara datang ke negara kita untuk mendirikan cawangannya. Ini merupakan keputusan yang amat tepat dan patut dipuji. Polisi

Kerajaan ini adalah satu persepsi yang jauh. Ia bukan sahaja memanfaatkan para pelajar pada hari ini, malah ia juga mendatangkan faedah kepada generasi masa depan. Perkembangan sains dan teknologi makin hari makin canggih. Untuk hidup dalam zaman yang sophisticated ini, kita perlu memiliki ilmu pengetahuan yang maju yang mengikuti edaran masa. Dengan ini barulah kita tidak akan ketinggalan zaman dan mampu menyumbangkan jasa serta bakti yang amat diperlukan oleh negara kita.

Marilah kita ambil perusahaan membaiki kereta sebagai contoh. Pada masa dahulu, seseorang itu dengan mudah boleh berjaya dalam perusahaan membaiki kereta melalui penguasaan membaiki kereta yang asal, ditambah pula dengan tenaga yang dimiliki serta pengalaman yang diperolehi. Namun, untuk menemui perkembangan zaman, kereta pada masa kini telah menggunakan sistem elektronik untuk berfungsi. Jadi, jika seseorang pembalik kereta tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang **ini**, ia pasti akan menemui kegagalan dalam kerjanya. Oleh itu, adalah mustahak untuk memberi peluang kepada semua rakyat menikmati pelajaran yang menjangkau pelajaran menengah, di samping meningkatkan kualiti rakyat sesuai sebagai sebuah negara yang mempunyai pendidikan rakyat yang menyeluruh dan kadar celik huruf yang tinggi dalam sebuah negara yang maju.

Sehubungan dengan itu, demi mencapai Wawasan 2020 adalah penting untuk melaksanakan sistem pendidikan yang terbuka bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat menerima pendidikan peringkat tinggi. Perbelanjaan pendidikan di negara kita sentiasa menduduki tempat kedua dalam perbelanjaan negara selepas perbelanjaan pertahanan negara.

Langkah membolehkan sekolah atau institusi peringkat tinggi diswastakan, merupakan satu strategi serampang dua mata. Langkah ini bukan sahaja membolehkan kesemua sekolah atau institusi peringkat tinggi bersaing dalam suasana yang adil lagi bebas untuk membekalkan alat-alat kelengkapan mengajar yang moden yang akan memanfaatkan pelajar, bahkan ia juga meringankan beban Kerajaan dalam bidang pendidikan. Apabila pendidikan peringkat tinggi diswastakan, maka ramai pelajar tidak perlu lagi belayar jauh meninggalkan ibu bapa dan kampung kesayangannya untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Ini akan menjimatkan wang ibu bapa di samping menjimatkan wang negara kita dari mengalir ke negara luar. Tetapi yang lebih utama ialah pelajar yang meneruskan pendidikan tingginya di negara kita tidak akan dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif di negara asing dan pada masa yang sama dapat menguatkuatkan keyakinan mereka terhadap kemampuan negara kita, serta menanamkan semangat taat setia mereka terhadap negara kita.

Melalui pelaksanaan polisi pendidikan yang disebutkan tadi, para pelajar negara kita akan mempunyai lebih banyak pilihan dalam melanjutkan pelajaran mereka. Selain dari itu, pada masa yang sama, negara kita juga dapat menarik pelajar-pelajar dari negara jiran untuk menuntut di negara kita. Dengan ini, negara kita akan mendapat keuntungan melalui pertukaran wang asing. Pertumbuhan lebih banyak sekolah atau institusi peringkat tinggi dan kedatangan universiti terkemuka dari negara asing untuk mendirikan cawangannya di negara kita, nescaya akan menjadikan negara kita sebagai pusat

pendidikan di rantau Asia Tenggara. Sekiranya Kerajaan mengizinkan sekolah dan institusi pendidikan peringkat tinggi diswastakan, maka Kerajaan seharusnya memberikan ruang yang lebih besar untuk membolehkan pihak tersebut mempamerkan kebolehan mereka. Pihak Kerajaan perlu mengurangkan perbelanjaan awam ke atas pihak tersebut ke tahap yang minimum.

Had dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas para pelajar terutamanya, dari segi visa juga haruslah lebih fleksibel. Segala urusan rasmi yang remeh-temeh perlu dihapuskan. Dengan itu, baharu-lah pihak swasta dapat menguruskan sekolah atau institusi peringkat tinggi mereka dengan lebih sempurna dan para pelajar juga dapat memaparkan keupayaan sebenar mereka dalam bidang pendidikan tanpa rasa bimbang. Selain mengizinkan universiti luar negeri mendirikan cawangan atau mengadakan program dua hala di negara kita, Kerajaan juga harus membenar dan menggalakan rakyat tempatan menceburi bidang pendidikan peringkat tinggi. Kelonggaran dalam standardisasi dan had membolehkan rakyat tempatan mencurahkan tenaga mereka dalam usaha meningkatkan kualiti rakyat kita dan menyebarkan pendidikan kepada semua lapisan masyarakat.

Strategi yang dipraktikalkan dalam proses pelajaran dan pembelajaran perlu dipelbagaikan demi menghayati sistem pendidikan terbuka sepenuhnya. Walau bagaimanapun, sekolah atau institusi swasta peringkat tinggi tidak seharusnya tertumpu di ibu negara atau di beberapa buah kota besar sahaja. Sebaliknya ia sepatutnya tersebar luas ke setiap pelosok negara. Sebagai seorang Senator dari negeri Melaka, saya berharap lebih banyak sekolah atau

institusi swasta peringkat tinggi didirikan di negeri Melaka agar para pelajar dari negeri Melaka dapat menikmati pendidikan peringkat tinggi di negeri Melaka sendiri. Sungguhpun negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil, namun Melaka telah mencapai pertumbuhan yang amat tinggi di bawah pimpinan Kerajaan Negeri Melaka yang berkaliber dan usaha penduduk seluruh negeri Melaka yang gigih lagi tabah.

Sebagai sebuah bandaraya yang bersejarah, negeri Melaka kaya dengan ciri-ciri kebudayaannya yang tersendiri. Justeru itu, inisiatif untuk mendirikan sekolah atau institusi peringkat tinggi di negeri Melaka merupakan satu pilihan yang tepat lagi bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Ng.

5.17 ptg.

Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh adalah disebabkan terutamanya oleh peranan sektor swasta yang lebih aktif dan agresif. Di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang menggariskan penggalakan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara, dengan membuka peluang untuk sektor tersebut berkembang, kita telah dapat melihat hasilnya pada hari ini. Pelaburan swasta telah meningkat dengan pesat. Pelaburan asing dan tempatan telah sama-sama menyumbang kepada peningkatan ini. Walau bagaimanapun,

pada masa kebelakangan ini, pelaburan asing telah menurun, manakala pelaburan dalam negeri telah meningkat, khususnya dengan galakan serta sokongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada industri kecil dan sederhana.

Pada tahun 1991, pelaburan asing terdiri daripada 60% keseluruhan pelaburan di negara ini, iaitu semuanya RM17 bilion. Tetapi dalam tempoh bulan Januari hingga September, 1993, pelaburan asing telah menurun ke paras RM3.6 bilion sahaja. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa kerana telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menangani masalah ini agar memastikan pertumbuhan ekonomi kita tidak terjejas dengan pengurangan pelaburan asing. Pengurangan pelaburan asing ke negara kita bukan disebabkan oleh iklim pelaburan yang kurang memuaskan, tetapi lebih disebabkan kemelesetan ekonomi dunia, a drop in global investment, dengan izin, dan mewujudkan perkembangan liberalisasi ekonomi yang baru di negara-negara membangun yang lain seperti negara China, Republik Vietnam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat, kita mesti perlu terus meningkatkan galakan pelaburan dalam negeri. Dalam hubungan ini mesti perlu mengkaji semula Akta Industrial Coordination Act (ICA), dengan izin, agar peruntukan Akta ini sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang untuk menjadikan sektor swasta sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Akta ini perlu mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup untuk menggalak pelaburan dalam negeri dipertingkatkan. Contohnya, peruntukan bahawa pelabur-pelabur yang melabur melebihi RM2.5 juta atau menggaji lebih 75 pekerja perlu mendaftar dengan pihak berkuasa berkaitan, perlu dikaji semula. Saya juga berharap, kajian semula Akta ini dapat menghindar pelabur-pelabur asing dari mengeksploitasikan galakan-galakan dan insentif-insentif yang diberikan sehingga menjejaskan perkembangan pelabur-pelabur dalam negeri. Suatu suasana persaingan yang adil perlu wujud untuk semua pihak agar perkembangan ekonomi negara dapat dinikmati oleh rakyat sekalian.

Kerajaan perlu terus mengambil langkah-langkah yang bijak untuk menggalakkan pelaburan swasta kekal di tahap yang tinggi. Dalam hubungan ini, masalah infrastruktur, kekurangan tenaga elektrik, kekurangan tenaga mahir serta peningkatan kos yang mungkin menghakiki daya saing negara perlu sentiasa diberi perhatian yang berat. Kerajaan perlu merancang dengan rapi agar pertumbuhan ekonomi kita tidak terencat akibat dari kepincangan perancangan kita sendiri.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet yang berkaitan untuk mengambil langkah-langkah konkrit bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar galakan serta sokongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada industri-industri kecil dan sederhana

di negara ini adalah tidak mencukupi. Ini adalah kerana industri-industri kecil ini mempunyai masalah yang tersendiri, yang sangat-sangat memerlukan pertolongan dan bantuan Kerajaan. Pada kebiasaannya, mereka tidak tahu ke mana menuju untuk meminta bantuan. Walaupun Kerajaan terus menggalak supaya SMI ini dijadikan linkages dengan izin, kepada multi-national companies, dengan izin, yang memerlukan sokongan industri-industri kecil ini, tetapi pengusaha-pengusaha industri kecil ini tidak tahu apa yang perlu dilaksanakan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan galakan mempertingkatkan SMI kita, perlu mengambil langkah-langkah proaktif menubuhkan kaunter-kaunter khas sementara di pusat-pusat SMI dan memberi khidmat nasihat membantu mereka dalam apa jua pengurusan dengan Kerajaan sejajar dengan seruan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Sektor awam perlu menjadi catalyst, dengan izin, kepada pembangunan sektor swasta. Dengan adanya usaha-usaha menjadikan jambatan di antara pihak sektor awam dengan sektor swasta, banyak maklumat terkini berkaitan dengan rancangan Kerajaan dapat disampaikan kepada sektor swasta dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara ini Kerajaan perlu melihat tahap teknologi yang ada di SMI sekarang. Peruntukan perbelanjaan ke atas penyelidikan dan pembangunan atau, dengan izin, research and development (R&D) pada ketika ini adalah amat rendah, iaitu lebih

kurang 0.8% perbelanjaan sesebuah syarikat itu sahaja. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana dalam Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini telah memberi galakan kepada syarikat menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan.

Saya berharap dengan adanya galakan dari Kerajaan, lebih banyak SMI dapat meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan demi untuk membolehkan industri kecil ini melompat ke tahap perindustrian yang lebih tinggi. Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan perindustrian yang berasaskan teknologi tinggi serta usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, pembangunan sumber manusia telah dikenal pasti sebagai satu strategi yang amat penting.

Oleh itu, tenaga kerja yang sedia ada perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi dan sesuai serta mempunyai moral dan nilai-nilai etika kerja yang kukuh. Dalam keadaan pasaran buruh yang seketat ini, pembangunan sumber manusia perlu diberi penekanan yang sewajarnya supaya kita dapat menghasilkan pekerja yang terlatih dan fleksibel, berdikari dan dapat menyesuaikan diri dalam keadaan teknologi yang kian meningkat dan pasaran dunia yang semakin mencabar.

Dari segi mengekalkan iklim pelaburan yang menggalakkan dan daya saing Malaysia di pasaran dunia pula, kita tidak ada cara lain kecuali mempergiatkan usaha-usaha untuk melatih semula dan

meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang sedia ada. Ini adalah disebabkan fakta penting yang menarik pelabur-pelabur asing, bukan lagi kos tenaga kerja kita yang murah seperti pada masa-masa yang lalu tetapi adanya bekalan tenaga kerja yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi serta yang boleh dilatih semula dengan mudah.

Bagi menghadapi cabaran masa depan, saya suka menegaskan bahawa pekerja-pekerja kita perlu dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang khusus dan terkini selaras dengan peralihan dan teknik-teknik pengeluaran yang berteknologi tinggi. Selain dari itu, kita juga perlu mencari jalan menarik belia-belia dan profesional kita yang bekerja di luar negeri balik ke negara kita dan menyumbangkan kepada pembangunan negara. Terdapat belia lepasan sekolah membuat kerja-kerja buruh di negara-negara lain seperti negara Jepun, Taiwan dan negara-negara Eropah. Mereka tidak mempunyai sebarang kemahiran melainkan menggunakan tenaga mereka dalam membuat kerja-kerja kasar di negara-negara lain.

Sebenarnya, kumpulan belia ini perlu diberi perhatian yang berat agar dapat melatih mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tertentu untuk menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, saya ingin mencadangkan latihan teknikal dan vokasional negara kita perlu dipertingkatkan untuk menarik lebih ramai belia-belia lepasan sekolah dari semua kaum berkecimpung dalam latihan vokasional. Dengan adanya pekerja terlatih yang lebih ramai, maka ia sedikit sebanyak akan meredakan masalah kekurangan tenaga mahir di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing bukan merupakan jalan penyelesaian yang baik kepada masalah kekurangan pekerja di negara kita. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bilangan buruh asing di Malaysia pada masa ini telah meningkat tinggi di mana ia dianggarkan berjumlah sejuta orang. Bilangan ini berbanding dengan jumlah penduduk seramai 19 juta dan bilangan tenaga buruh seramai 8 juta, adalah sangat-sangat besar. Kehadiran buruh asing ini telah menyebabkan meningkatnya tekanan terhadap penggunaan kemudahan infrastruktur sosial terutamanya perubatan, perumahan dan pendidikan negara kita.

Walaupun Kerajaan ada membuat seruan untuk mencari jalan penyelesaian dengan menggalakkan penggunaan teknologi yang lebih berintensif model, tetapi buat masa sekarang, saya berharap Kerajaan dapat mencari jalan menyelesaikan untuk mengurangkan beban infrastruktur sosial yang kita hadapi sekarang, Contohnya, peruntukan yang dipindah dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam untuk sektor kesihatan adalah berjumlah RM2.5 bilion atau 4.3% daripada Belanjawan Pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Kini terdapat ramai pekerja-pekerja asing menggunakan kemudahan kesihatan hospital kita secara percuma atau dengan bayaran yang rendah sahaja. Walaupun dari segi perikemanusiaan, kita perlu memberi ubat-ubatan dan jagaan yang baik kepada pesakit-pesakit tanpa mengira sama ada beliau pekerja asing atau rakyat Malaysia, tetapi ini adalah tidak adil untuk membebankan perkhidmatan kesihatan kita; terutamanya rakyat Malaysia kita yang berpendapatan rendah yang amat memerlukan perkhidmatan kesihatan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan; syarikat-syarikat yang menggaji pekerja asing tersebut diwajibkan membiayai kos perubatan pekerja-pekerja mereka. Syarikat-syarikat ini boleh mengambil insurans kesihatan untuk melindungi pekerja mereka dengan kos yang rendah. Dengan cara **ini**, saya yakin Kerajaan telah dapat membuat satu langkah ke hadapan dengan menswastakan beban menjaga kesihatan pekerja asing dan ini tentu akan mengurangkan kos perkhidmatan kesihatan negara di samping mempertingkatkan kualiti perkhidmatan hospital Kerajaan untuk mencapai matlamat kesihatan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berminat dalam usaha Kerajaan menggalakkan lebih ramai wanita masuk ke pasaran buruh. Kementerian Sumber Manusia telah menyeru dan menggalakkan lebih ramai wanita bekerja untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja di negara kita. Wanita di negara kita merupakan separuh daripada jumlah penduduk, tetapi buat masa ini hanya 30% sahaja dari jumlah tenaga buruh. Dari segi kadar penyediaan tenaga buruh, penyertaan wanita adalah 46% berbanding penyertaan kaum lelaki sebanyak 85% dalam tempoh yang

sama. Dalam hubungan ini, kita dapat melihat kini tenaga wanita masih rendah berbanding dengan lelaki, terutama disebabkan oleh kekurangan kemahiran yang sesuai dan keperluan rumah tangga untuk menjaga anak masing-masing.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini menyeru Kerajaan memberikan wanita lebih banyak peluang latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan ekonomi negara sejajar dengan matlamat Wawasan 2020. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana dalam ucapan Belanjawannya telah membawa berita baik kepada ibu-ibu dan isteri-isteri untuk terus bekerja. Kerajaan adalah prihatin dan memahami masalah wanita memasuki pasaran pekerja.

Dengan adanya cadangan supaya keseluruhan perbelanjaan kita menyediakan tempat penjagaan anak pekerja termasuk bangunan yang disediakan oleh majikan dan memberi potongan cukai pendapatan mulai Tahun Taksiran 1994 adalah dipuji. Dengan cara ini, saya berharap lebih banyak majikan menyediakan tempat penjagaan kanak-kanak dan menarik lebih ramai wanita terus bekerja. Di samping itu, adalah mustahak pihak majikan menyediakan tempat-tempat penjagaan dan pengasuh-pengasuh kanak-kanak atau child care providers, dengan izin, yang terlatih secara profesional bagi memastikan kualiti generasi muda yang bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menitikberatkan pembangunan sumber manusia yang menyeluruh dan ini adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi selaras dengan pembangunan sumber

manusia yang sedia ada di negara kita. Usaha-usaha Kerajaan ini perlu mendapat sokongan daripada semua pihak demi untuk menjayakan Wawasan 2020.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh Usul Kajian Separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Ding Seling.

5.36 ptg.

Tuan Ding Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas perancangan OPP2 dan juga atas prestasi yang telah tercapai dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Bagaimanapun, berdirinya saya di sini, saya bercakap dari sudut dan perspektif golongan warganegara kita ini yang agak lemah. Tetapi sebelum saya teruskan, saya juga ingin merakamkan kebanggaan saya atas pencapaian negara kita dari segi semua aspek, bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga dari segi perpaduan masyarakat, dari segi perkembangan sosio-ekonomi dan juga politik.

Bagaimanapun, oleh kerana saya adalah dari golongan pihak yang agak lemah, saya rasa, dengan izin, I would fail in my duty sekiranya saya tidak menarik perhatian Kerajaan kepada beberapa aspek kelemahan dalam negara kita ini kerana saya berpendapat bahawa golongan yang lemah atau kumpulan-kumpulan yang lemah, yang masih mundur dalam negara kita ini boleh menjadi, Achilles' heel, dengan

izin ataupun tumit wira Achilles, iaitu suatu rangka wira orang Greek dahulu yang dinyatakan sebagai seorang wira yang tidak boleh dikalahkan dan tidak boleh didera dengan menggunakan apa-apa weapon pun, dengan izin, tetapi tumitnya adalah lemah dan boleh didera dan dia boleh dibunuh.

Jadi maksud saya, sekiranya negara kita ini ada aspek-aspek tertentu ataupun golongan yang tertentu yang begitu lemah dan begitu mundur, maka orang-orang luar negeri mungkin boleh menggunakan kelemahan kita itu dan mungkin mencemarkan nama baik kebanggaan negara kita atau pun 'the development of our country' dengan menunjukkan ataupun mengata-ngatakan kelemahan kita.

Jadi, oleh itu, sekiranya nada ucapan saya adalah begitu negatif, saya mohon maaf kerana ini adalah tugas saya dan saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa itu adalah dengan tujuan baik supaya Kerajaan kita memberi perhatian kepada aspek-aspek itu. Saya juga berani bercakap begitu kerana saya tahu bahawa Kerajaan memang begitu prihatin, bukan sahaja dengan golongan-golongan yang kuat, tetapi golongan-golongan yang mundur, yang begitu lemah dan yang belum lagi mempunyai kebolehan untuk menjaga diri, lebih-lebih lagi yang tidak boleh bersaing dalam open market, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Tuan Yang di-Pertua tahu apa yang saya tumpukan. Saya sebenarnya merujukkan ataupun refer sudut yang saya maksudkan itu ialah orang-orang di pedalaman khususnya di Sarawak dan mungkin ada juga di negara kita di Semenanjung Malaysia dan saya ingat memang ada di Sabah juga. Kerana di hulu-hulu sungai, kita tahu ramai lagi orang-orang Dayak, Kayan, Kenyan, Kelabit, Murut, Iban, Bidayuh dan sebagainya yang masih lagi duduk di rumah-rumah panjang.

Kalau kita pergi melihat mereka, kita akan tahu mereka ini bukanlah hidup dalam keadaan yang mewah. Mereka bekerja 'from dawn to dusk', dengan izin, dan pendapatan mereka adalah hanya cukup makan sahaja. Cukup makan pun kadangkala tidak cukup kerana 'harvest' mereka ataupun pendapatan yang diperolehi oleh mereka hanya sekadar untuk memenuhi perut sahaja.

Jadi maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kadar kemiskinan seperti yang dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat tadi sudah turun sehingga 13.5% tetapi saya ingin menyeru kepada Kerajaan agar membuat kajian yang lebih mendalam lagi kerana saya rasa, walau pun pegawai-pegawai Kerajaan kita telah begitu berusaha untuk meneliti, mengkaji dan sebagainya dan berusaha dengan begitu gigih untuk menentukan bahawa semua golongan masyarakat kita ini mendapati apa yang sepatutnya mereka dapati iaitu pembangunan tetapi saya rasa ada juga poket-poket atau aspek-aspek masyarakat kita yang masih lagi tertinggal. Bukan sahaja mereka tertinggal tetapi mungkin apabila mereka mendengar bahawa .Kerajaan kita adalah sangat prihatin dan juga seterusnya pembangunan negara kita ini adalah begitu baik, mereka sendiri rasa hendak memegahkan diri mereka bahawa mereka adalah dalam keadaan yang baik juga iaitu mereka ada cukup itu dan ini dan sebagainya. Mungkin angka-angka yang diberi

kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita yang berusaha untuk mencari bukti-bukti itu tidak begitu tepat.

Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sendiri adalah daripada hulu dan pernah sekali sekala, mungkin sekali dalam sebulan pergi ke tempat-tempat pedalaman, saya sendiri lihat dengan mata saya sendiri keadaan ini - apa yang dimakan, apa yang dipakai oleh mereka, apa kerja mereka, berapakah pendapatan mereka dan berapa gantang padi yang diperolehi oleh mereka setiap tahun, misalnya. Jadi dari segi aspek itu, saya tidak menyatakan bahawa angka-angka yang dibentangkan kepada Kerajaan itu tidak betul. Saya rasa memang betul juga tetapi mungkin ada aspek-aspek dan maklumat yang tidak begitu tepat. Jadi, dari aspek kemiskinan tadi, saya ingin menyeru agar Kerajaan lebih prihatin lagi ataupun membuat kajian yang lebih teliti supaya jangan ada kumpulan-kumpulan tertentu yang tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, kalau ada orang yang masih lagi dalam keadaan yang begitu miskin, maka mudah sekali mereka diperdayakan, khususnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Bukan sahaja dari luar negeri seperti NGOs tetapi ada juga pihak-pihak tertentu dalam negara kita yang mungkin menggunakan orang-orang yang mundur itu untuk tujuan mereka sendiri iaitu melaporkan perkara itu bukan sahaja dalam negara kita tetapi khususnya di luar negeri. Oleh kerana saya dari golongan kaum

seperti itu pernah mendapat banyak laporan daripada pihak-pihak tertentu menyatakan kamu begini dan begitu, tidak ada ini dan itu, ia betul juga dari segi aspek yang tertentu tetapi bukan dalam gambaran yang sepatutnya diberi.

Misalnya, dalam bulan Oktober lepas, banyak laporan mengenai orang-orang NGOs di luar negeri yang dinyatakan mengumpul wang dengan menggunakan nama orang Penan. Jadi maksudnya, orang Penan ini memanglah ketinggalan ataupun diketepikan atau disingkirkan oleh Kerajaan ataupun Kerajaan tidak mengambil berat tentang mereka. Dalam erti kata yang lain juga, mereka mengatakan mereka kebuluran sehingga tidak dapat menyara hidup atau membuat apa-apa pun. Jadi, inilah salah satu daripada yang saya maksudkan tadi, janganlah ada pihak-pihak tertentu yang dinyatakan ataupun "appears to be left out" yang menjadi "Achilles' heel" bagi negara kita yang sedang mengalami pembangunan yang begitu pesat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, dari sudut masyarakat kita yang juga lemah yang saya katakan tadi belum dapat bersaing, saya ingin juga menyeru agar Kerajaan lebih prihatin dari segi membekalkan pendidikan. Maksud saya ini ialah kalau kita lihat dari segi prestasi budak-budak dari luar bandar - saya sekali lagi merujuk kepada budak-budak dari luar bandar di Sarawak - kalau kita lihat ramai mereka yang mendapat Pangkat 3 ataupun Gred 3 dalam SPM ataupun hanya setakat lulus di peringkat STPM, oleh yang demikian, mereka tidak dapat pergi ke Tingkatan VI. Bagi mereka yang mendapat Gred 3 dalam SPM dan juga bagi mereka di peringkat STPM tadi, ramai

yang tidak dapat pergi ke universiti ataupun melanjutkan pelajaran. Oleh itu, mereka ini adalah dalam keadaan di mana mereka tidak boleh teruskan pelajaran ataupun tidak juga menjadi orang yang terlatih.

Itulah antara sebabnya pada awal petang ini tadi, kita dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengatakan hanya 62 orang sahaja budak-budak dari Sarawak yang dapat ataupun yang diterima di UNIMAS oleh kerana ramai yang memohon itu tidak layak. Begitu juga di Semenanjung ini, kalau kita lihat di Semenanjung, berapa peratus sahaja budak-budak dari Sarawak yang dapat melayakkan diri untuk meneruskan pelajaran ke universiti. Satu sebab yang penting sekali ialah mereka tidak memenuhi syarat. Saya mengatakan ini dari segi keseluruhan. Saya pasti memang ada juga budak-budak dari Sarawak yang bijak, pandai dan melayakkan diri dan boleh bersaing dengan budak-budak dari Semenanjung ini. Tetapi pada keseluruhannya, dari segi prestasi, mereka dari luar bandar di Sarawak adalah begitu lemah.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau negeri Sarawak ingin merapatkan ketidakseimbangan dengan Semenanjung Malaysia, maka pendekatan Kerajaan kita adalah, saya rasa, dari segi pendidikan. Barulah budak-budak dari Sarawak boleh melayakkan diri, pertama sekali pergi ke sekolah menengah atas dan seterusnya ke universiti. Kalau tidak, mungkin orang-orang dari Sarawak mahu pun Sabah juga tentu tidak dapat memenuhi keperluan tenaga di negeri itu.

Itu mungkin menjadi satu aspek "Achilles' heel" juga di mana orang-orang tempatan. tidak mahu menerima mereka dari Semenanjung yang lebih berkeelayakan dan yang lebih berkaliber dari segi ekonomi dan sebagainya, tidak mahu menerima mereka maka terjadilah keadaan seperti yang satu dulu berlaku di negeri Sabah, di mana mereka tidak menerima 100% rakan dari Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud bahawa rakan-rakan kita dari Semenanjung tidak boleh pergi ke Sabah atau pun Sarawak dan dari Sarawak ke Semenanjung. Saya tidak bermaksud begitu. Maksud saya ialah di mana ada pertukaran dengan begitu seimbang, di mana kita bekerja, di mana kita boleh bersaing dengan cara terbuka, maka dengan itu, saya rasa tidak adalah keadaan di mana orang mengatakan, "saya dari sini, saya dari situ". Maka tidak adalah perasaan dimana kita tidak menerima orang yang datang dari negeri yang lain daripada kita.

Jadi, itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya bukan sahaja Kerajaan berprihatin dari segi training dari peringkat atasan, tetapi mula dari peringkat yang lebih rendah lagi dari segi prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah menengah atas.

Inilah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali dahulu saya menyeru kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan supaya memikirkan bagaimana mengada dan mewujudkan sekolah-sekolah

berasrama penuh, bukan sahaja bagi sekolah menengah atas dan sekolah menengah tetapi juga untuk sekolah rendah. Agar budak-budak dari luar bandar yang senantiasa melihat hutan, senantiasa melihat kampung-kampung, sulap-sulap itu mungkin apabila melihat satu bangunan yang cantik, satu tempat yang indah itu, maka mungkin meningkatlah minat mereka untuk belajar supaya mereka boleh ke sekolah itu atau ke institusi itu. Di situ mereka boleh melihat banyak kemudahan-kemudahan seperti buku, alat-alat bacaan dan sebagainya. Maka mungkin bolehlah mereka belajar dan teruskan pelajaran sehinggalah melayakkan mereka sebagai orang yang terlatih dan yang berguna dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh satu perkara yang lain iaitu mengenai pengurusan alam sekitar. Satu daripada butir-butir yang menyebabkan negara kita selalu diheboh-hebohkan di luar negeri ialah mengenai hutan kita dan alara sekitar. Kita tahu bahawa sistem pengurusan hutan kita adalah memang mengikut taraf yang disetujui dari segi in the international standard, maksud saya ITTO misalnya.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang ada dalam buku pengurusan kita itu, mungkin tidak boleh dilaksanakan di ground level, dengan izin. Ini antara sebabnya adalah kerana kita tidak mencukupi tenaga manusia. Saya dimaklumkan bahawa di Jabatan Perhutanan Sarawak misalnya, memang tidak cukup pegawai-pegawai tinggi atau pun berkelayakan untuk menguruskan semua aspek yang perlu dilakukan. Oleh yang demikian, maka mereka yang ada di dalam

Jabatan Perhutanan memang bekerja keras, memang melakukan tugas mereka tetapi oleh kerana Sarawak, seperti yang kita sedia maklum, adalah begitu luas, lebih kurang 12.8 juta hektar luasnya dan mempunyai hutan lebih kurang 8.4 juta lagi termasuk SAMUDA. Oleh yang demikian, effort ataupun kesan aktiviti mereka untuk menguruskan hutan dari semua aspek, bukan sahaja dari segi menjaga orang mencuri, tetapi aspek-aspek yang lain juga, adalah tidak begitu berkesan.

Jadi, saya ingin menyeru agar Kerajaan Pusat memikirkan cara bagaimana hutan kita boleh diuruskan dengan mengikut apa yang ada tertulis dalam pengurusan hutan kita seperti dalam ITTO. Maka dengan itu, saya ingat satu daripada punca yang begitu berguna bagi negara kita Malaysia ini iaitu hutan dan tanah dan punca-punca dari hutan akan diuruskan dengan begitu baik. Maka dengan **itu**, saya harap orang-orang luar negeri seperti NGOs tidak ada mempunyai kesempatan ataupun sebab-sebab untuk memperkata-katakan cara bagaimana kita menguruskan hutan kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa saya begitu bangga mengenai pencapaian Kerajaan kita dalam perkembangan sosial ekonomi dan politik tetapi saya menyeru sekali lagi agar keprihatinan Kerajaan kita itu janganlah melupakan mereka yang masih lagi lemah, lembap dan yang belum dapat bersaing dalam pasaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh iaitu mengenai kad pengenalan. Perkara ini bersangkutan-paut juga

oleh kerana negeri Sarawak adalah begitu luas dan penduduknya adalah tinggal bertaburan di tempat-tempat yang begitu jauh. Walaupun awal tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri telah mengatakan bahawa Kerajaan khususnya Kementerian tertentu itu, memang berusaha untuk menentukan bukan sahaja mengeluarkan kad pengenalan baru kepada warganegara Malaysia ini, tetapi juga bagi mereka yang belum mempunyai kad pengenalan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali saya pergi ke kawasan di Baram, di hulu-hulu sungai dan juga di tempat yang lain, senantiasanya ada orang datang yang mengatakan, "Bolehkah tolong, kami telah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan sejak 1986, 1987 dan sebagainya". Bermakna, dalam beberapa tahun mereka telah menunggu.

Saya sedar dan saya tahu bahawa keadaan begitu memang tidak menyeluruh. Ini adalah exceptional, dengan izin. Walau bagaimanapun, apabila saya melihat senarai nama-nama kerana saya pernah juga menulis nama mereka itu adalah boleh kita katakan representatif dari golongan ini, itu dan sebagainya. Ada 10 orang di kampung sana, 6 orang di kampung sini dan seterusnya. Mereka itu adalah orang-orang dewasa. Orang-orang dewasa maksud saya juga ialah lebih daripada 21 tahun. Apabila masa pilihanraya nanti, mungkin mereka ini tidak boleh membuang undi juga.

Jadi, memandangkan ramai juga mereka itu, mungkin dalam ratusan, maka saya ingin menyeru lagi agar Jabatan berkenaan berusaha lebih gigih lagi. Kalau boleh, mungkin bahagian politik tertentu ataupun orang-orang ahli politik dalam kawasan tertentu itu, seperti saya sendiri, mungkin kita boleh memberi pandangan ataupun pertolongan sejauh mana yang boleh supaya warganegara Malaysia, orang dewasa sekarang yang sepatutnya sekurang-kurangnya ada kad pengenalan yang lama dulu tetapi belum ada, sekurang-kurangnya mereka ada kad pengenalan. Saya tahu ramai juga mereka itu memang tidak ada sijil lahir atau sijil peranakan. Ini adalah oleh kerana mereka dilahirkan bukan sahaja di rumah panjang (long house), ada juga yang dilahirkan di sulap-sulap padi ataupun di hutan, khususnya orang Penan, misalnya. Jadi, di situ memang tidak ada pusat pentadbiran di mana tarikh atau masa kelahiran mereka direkodkan. Oleh yang demikian, mereka memang tidak ada apa-apa. Yang ada hanyalah bahawa ibu bapa mereka mengatakan ini anak saya, dilahirkan pada hari sekian-sekian, mungkin tak tahu tarikh dan masanya juga, hanya menyatakan dilahirkan tahun sekian-sekian sahaja. Jadi, ini memang saya tahu satu masalah teknikal bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang akan menguruskan permohonan mereka itu, tetapi saya memohon agar pegawai-pegawai Kerajaan yang pergi ke tempat-tempat pedalaman itu diberi kuasa supaya mereka boleh mengambil keputusan, janganlah kata, "Tunggu dulu, saya tanya bos di ibu pejabat" dan sebagainya.

Saya ingin rakamkan berbanyak terima kasih juga di sini kerana saya tahu di hulu-hulu sungai, di hulu Sungai Baram, misalnya, ada pegawai-pegawai yang telah pergi ke sana. Saya diberitahu dulu ada seorang pegawai perempuan yang berjalan beberapa jam pergi ke kampung atau sulap-sulap orang Penan dengan beberapa orang pegawai lain. Ini bermakna atau menunjukkan bahawa pegawai Kerajaan memang telah berusaha tetapi masih lagi ada yang ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh perkara itu sekali lagi kerana inilah satu perkara yang mempunyai hubungan politik, bukan sahaja bagi kami orang tempatan yang belum lagi mempunyai kad pengenalan, tetapi mungkin digunakan oleh orang-orang luar negeri yang mengatakan "Bagaimana, ada kad yang menunjukkan awak ini atau encik ini adalah warganegara Malaysia?" Apabila orang-orang di situ mengatakan tak ada, bagaimana? Mungkin mereka akan gunakan perkara itu dan katakan adakah Kerajaan prihatin atau sebaliknya? Ini pernah berlaku sebenarnya.

Tuan Yang di-pertua, maaf, saya bercerita sedikit. Ada seorang scholar yang datang dari Barat yang mengkaji satu golongan kecil di situ. Beliau ini apabila balik ke negeri beliau sendiri, dia mengatakan bahawa orang-orang yang jauh itu memikirkan mereka bukan orang Malaysia, mereka masih lagi memikirkan Kerajaan yang sudah pun lenyap dulu. Ini adalah mungkin satu perkara yang kecil sahaja tetapi mungkin boleh digunakan sebagai satu aspek yang mana orang-orang luar negeri yang mungkin mempunyai niat yang kurang baik terhadap negara kita yang pesat membangun, yang mungkin mereka gunakan untuk mencemarkan nama baik kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kerana ucapan saya ini adalah begitu negatif, saya hanya memohon dan menyeru Kerajaan supaya lebih prihatin kepada yang lemah, yang mundur dan yang jauh dari pusat-pusat besar, pusat-pusat pembangunan seperti bandar-bandar besar. Sehubungan dengan itu, keprihatinan Kerajaan, saya ingat, boleh di translate'kan kepada pembinaan infrastruktur yang boleh membawa kemajuan ke tempat-tempat pedalaman.

Saya sekali lagi merujuk kepada negeri Sarawak di mana kita belum lagi ada jalan raya dari Lundu iaitu di westmost corner sehinggalah ke Lawas dan Limbang. Kita masih mempunyai banyak lagi kawasan yang belum ada jalan raya di mana kita boleh bawa kereta dari Kuching sehingga ke Miri sahaja, dari situ kita terpaksa melalui negara Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur itu adalah satu-satunya yang begitu penting. Pada minggu yang lalu, seorang Menteri telah menjawab bahawa industri-industri sokongan ataupun industri-industri berat akan juga difikirkan, dirancang dan dibawa ke tempat-tempat di Sarawak, Sabah ataupun East Coast sekiranya ada infrastruktur yang cukup baik. Jadi, kalau belum ada infrastruktur yang baik itu seperti tempat-tempat di Sarawak, jauh dari Kuching, Sibu dan sebagainya, pasti tidak ada kemajuan yang pergi ke situ. Saya sebenarnya telah beberapa kali berhubung dengan pihak-pihak yang mempunyai ladang besar di Semenanjung ini dan mengatakan, "Kita mempunyai banyak kawasan di Sarawak di mana tuan-tuan boleh buka ladang kelapa sawit dan sebagainya di situ". Soalan pertama biasanya mereka tanya ialah, "Adakah jalan raya?" Saya terpaksa kata,

"tidak ada". "Bagaimana hendak pergi?" "Ikut jalan kayu balak ataupun jalan bot atau perahu". Jadi, dia kata, "Oh, tunggulah, apabila ada infrastruktur ataupun jalan raya nanti barulah pergi. Sekarang kos untuk pergi ke situ adalah begitu tinggi, belum lagi sampai masanya". Ini saya rujuk kepada daerah Baram, tetapi di Bintulu oleh kerana kita sudah ada jalan raya, ramailah orang-orang dari Semenanjung ataupun 'estate owners', dengan izin, sudah pergi ke situ dan membawa kemajuan di luar bandar.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Ahmad.

6.08 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995).

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa hasil yang begitu pesat dalam mana Kerajaan melaksanakan pembangunan negara, daripada segi ekonomi dan juga pembangunan fizikal, rakyat serta-merta telah berubah nasibnya. Kehidupan rakyat telah meningkat. Rakyat dari golongan rendah telah menjadi golongan menengah dan golongan menengah telah menjadi golongan yang tinggi. Siapa pun yang bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kita yang telah memimpin negara ini menuju kemajuan. Seluruh tanah air kita kemajuan industri perkilangan begitu banyak, begitu juga industri perumahan tumbuh

seperti cendawan - dari tanah-tanah yang rata sehingga ke kaki bukit dan , di lereng-lereng gunung. Kemudian dalam bandar juga telah terjadi kesesakan, kerana di bandar ini semua bandar dalam tanah air kita, bandar-bandar besar adalah pusat pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan, kemudian juga pusat tempat ahli-ahli perniagaan. Apabila kesesakan berlaku begitu, dalam Buku Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam ini kita dapat melihat bahawa Kerajaan akan mengusaha mengelakkan kesesakan ini dengan membesarkan jalan-jalan, kemudian dalam bandar akan dibuat jalan kereta api laju, begitu juga jejambat. Jadi, usaha Kerajaan akan menggunakan wang berbilion-bilion ringgit.

Usaha ini akan memakan masa yang lambat dan wang yang banyak. Kalau kita kaya seperti negeri Jepun, memang kita boleh membina dengan cepat jalan keretapi di bawah tanah yang laju, kemudian jalan motokar dan jejambat. Begitu juga jalan keretapi di atas jejambat. Tetapi di sini keadaan kewangan kita terhad, kita lambat dapat membinanya.

Satu cara yang boleh mempercepatkan untuk mengelakkan kesesakan, saya rasa kita kena melihat kawasan pinggir bandar. Ada tanah-tanah yang begitu hebat, tanah-tanah kosong, boleh dipindahkan segala gerak kerja yang dibuat di dalam bandar. Sebab di dalam bandar terlampau penuh, kita tukar pentadbiran bandar ini, sama ada Jabatan Kerajaan ataupun syarikat perniagaan sebagainya ke satu kawasan di pinggir bandar yang lebih luas.

Kita boleh contoh seperti Singapura misalnya. Singapura dahulu begitu sesak di dalam bandar, dia melihat daripada udara bahawa tanah-tanahnya banyak yang kosong, berpaya dan hutan rimba. Kemudian dipindahkan ke sebuah bandar yang besar misalnya Toa Payoh. Toa Payoh dijadikan satu bandar yang cukup besar dan telah mengubah penghidupan rakyat. Di sana juga didirikan kilang-kilang dan Jabatan Kerajaan. Kemudian didirikan bandar-bandar besar yang lengkap dengan segala kemudahan. Rakyat pergi ke kawasan itu dengan Kerajaan menawarkan rumah-rumah murah dan penghidupan yang setaraf dengan kemajuan dan juga kebolehan rakyat dalam kawasan itu.

Jadi, saya rasa kita juga boleh pindahkan kawasan-kawasan di pinggir bandar kita untuk mengurangkan kesesakan.

Satu perkara yang tidak boleh diubah, walaupun ditayangkan setiap hari di kaca TV - memang tidak boleh ubah. Kita lihat di dalam televisyen ditayangkan, mula-mula kereta begitu banyak ber-sesak-sesak sehingga sebuah kereta Volvo hendak melanggar belakang van, kemudian seorang Benggali mengipas asap kerana memandu kereta Morris Minor yang ouruk. Seorang yang panas darah meradang "Op! Kenapa engkau sibuk?" Seorang India menjual roti, tidak peduli, begitu sesak pun dia langgar cermin kereta orang. Akhirnya satu tangan yang besar, entah tangan Menteri mana tidak tahu, mencakup segala kereta-kereta itu, barulah Volvo itu boleh lalu dan lalulah Proton Saga Iswara membawa 4 orang penumpang dalam kereta itu. Kemudian tangan yang besar tadi itu tunjuk "Haa! special - bagus"

[Ketawa] Siapa hendak ambil peduli? Berapa besar tangan pun 'jam' dalam bandar ini tidak akan berubah kerana rakyat seronok membawa kereta, memang kita tidak beri orang lain tumpang, kalau boleh seorang drebar kemudian kita seorang menyandar, kerana kita hendak merasa nikmat, dan orang yang baru dapat kereta, begitu juga dia hendak bawa penumpang memang tidak boleh terjadi.

Saya membuat kajian dalam kawasan-kawasan bandar ini, orang yang tinggal di pinggir bandar, walaupun dia tinggal dekat sebelah-menyebelah rumah, tetapi dia tidak boleh menaikki sebuah kereta A orang. Anak saya tinggal di Ceras, dia bekerja di Subang, kawan di sebelah rumahnya itu, macam mana dia hendak ajak naik kereta kerana

kawan yang sebelah itu pula bekerja dia pergi di kawasan Jalan Ipoh. Jadi dia memang tidak boleh menaiki sebuah kereta. Jadi untuk menghilangkan kesesakan, rancangan Kerajaan yang lebih baik ialah mengadakan keretapi laju, membuat jejambat, membesarkan jalan-jalan dan berhentikanlah perkara yang tidak munasabah 'menangkap kereta dengan tangan', siapa yang punya iklan itu? Ketawa orang melihatnya. Balik-balik kita lihat orang Benggali itu mengipas asap - kasihan! Jadi berhentikanlah iklan itu.

Pembangunan dan perindustrian perumahan di negara ini begitu menggalakkan, setiap rakyat merasakan bahawa kuasa-kuasa yang dapat memberikan pembangunan industri kilang dan perumahan ini menjadikan manusia kaya, semua orang tidak bersekolah pun minta supaya menjadi pemaju perumahan dan juga industri perkilangan.

Kita merasa sedih melihat hari ini apabila kita membaca suratkhbar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sangat dukacita kerana pemaju perumahan tidak mahu mengikut kehendak Kabinet. Walaupun Kabinet mengatakan berhentikan pembangunan di lereng-lereng bukit', tidak ada siapa yang hendak peduli, dia jalan, dia ketuk juga. Jika kita melihat kuasa yang diberikan, kuasa pemaju perumahan dan juga kilang-kilang itu adalah kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri memberikan kemudahan tanah, habis semua tanah-tanah sawah orang Melayu yang begitu banyak di seluruh tanahair ini sudah habis dikerjakan oleh Kerajaan Negeri untuk memberikan kepada industri perkilangan dan juga industri perumahan,

tidak cukup dengan itu dihantar pula ke lereng-lereng bukit. Jadi manusia yang merasakan dirinya tidak boleh lagi tinggal di tanah rata, dia larilah ke lereng bukit, kerana tinggal di lereng bukit itu dapat memandang semua manusia yang tinggal di tanah rata - itu yang seronok. Hasil daripada itu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan mempunyai kuasa yang kuat, Kerajaan Negeri memberikan tanah, siapa pun tahu, Kerajaan Tempatan memang cukup kuat.

Saya telah 6 tahun menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Negeri, saya tengok begitu hebat kuasa-kuasa Jawatankuasa Pembangunan, Jawatankuasa yang meluluskan pelan, pelan tapak, pelan bangunan dan lain-lain, kadang-kadang memang tidak menghiraukan nasihat daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air dan sebagainya - dia tidak peduli dan berkata, "Aku lebih berkuasa daripada yang lain-lain". Jadi pegawai Kerajaan yang terdiri dari 32 Jabatan Kerajaan dia komen tempat ini tidak boleh buat, mesti dibuat begini dan lain-lain, tetapi Kerajaan Tempatan ia mempunyai kuasa untuk meluluskan itu lebih kuat lagi, kemudian dia pun luluskan. Apabila telah diluluskan, maka pemaju-pemaju, terutama pemaju kilang misalannya belum lagi dapat komen daripada Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain, sudah mendirikan kilang, mereka dirikan kilang ikut suka hati sahaja, sama ada batunya betul atau tidak, simennya betul atau tidak - dia dirikan. Begitu juga rumah, bila mendapat kebenaran kelulusan tanah sahaja, merekapun membuat iklan dengan gambar rumah yang paling cantik. Siapa hendak membeli rumah ini bayar dahulu,

kemudian dia pungutlah wang. Sampai habis wang dipungut, rumah tidak siap! Pemajunya lari ke London, duduk di sana dengan isteri mudanya. **[Ketawa]** Selepas itu kita tanya mengapa rumah tidak siap?

Timbalan Yang di-Pertua: Tinggal dengan isteri muda di London itu macam mana Datuk tahu?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Saya tahu sebab saya jaga kelmarin **[Ketawa]**, tetapi dia tidak ajak saya pergi sama, dia . hendak pergi itu dia beritahu. Kemudian rakyat jelata yang miskin ini tadi terutama yang berpendapatan rendah, hendak hutang bank, bayar habis semua sekali tetapi rumah tidak dapat.

Jadi, hendaklah Kerajaan Pusat mengkaji bagaimana hendak membetulkan kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, terutamanya Kerajaan Tempatan dan Majlis-majlis Daerah yang mempunyai kuasa yang paling kuat. Kadang-kadang Ketua Menteri dan Menteri Besar pun dia tidak peduli kerana dia boleh meluluskan permohonan. Kuasa yang ada di tangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan ini hendaklah dikaji oleh Kerajaan Pusat supaya kuasa-kuasa itu dapat dikawal dan saya bersetuju dengan cadangan-cadangan mengatakan bahawa kalau pembangunan itu sudah baik, rumah sudah siap barulah dia boleh minta wang daripada orang yang membeli rumah itu.

Kemudian ada sedikit lagi berkenaan dengan pertanian. Saya tidak hendak bercakap terlalu banyak; dalam laporan **ini**, saya baca 'Pertanian' sahaja. Sebagaimana saya katakan tadi bahawa sawah-sawah padi dalam Malaysia ini boleh dikatakan habis diambil oleh Kerajaan untuk membuat pembangunan industri perkilangan dan juga industri perumahan. Kerana dengan membuat industri perkilangan dan industri perumahan itu menyebabkan dia menjadi lebih kaya dan kononnya orang yang mendapatkan gantirugi itu pun kaya. Tetapi kekayaan itu kepada orang Melayu tidak kekal.

Baru-baru ini saya melihat seorang tua, dia ada tanah 3 ekar lebih dan Kerajaan telah mengambil tanah 3 ekar itu sehingga memeranjatkan **dia**. Masa dia beli dahulu harganya \$15 sahaja satu ekar. Di sebelahnya itu \$1.50 sahaja seekar. Semasa DOnya Orang Putih, hanya dikenakan cukai \$1.50 atau \$2 bayarannya. Tetapi apabila dia dapat ganti rugi RM1.3 juta untuk 3 ekar itu, dia terperanjat. Dia kata, "Ya ke ini? Kerajaan main-main atau tidak?"

Untuk membuktikan "ya" dia akan dapat duit, bila Kerajaan beri dia cek, dia tidak mahu pakai. Dia kata, "Ini kertas sekeping hendak ganti dengan aku punya tanah 3 ekar? Kenapa kamu hendak tipu? Sekeping kertas kecil macam ini ditulis dengan RM1.3 juta - kamu hendak beri? Kau tulis angka sahaja buat apa aku simpan?" Jadi Kerajaan Negeri terpaksa memimpin dia bawa ke Bank Bumiputera di Jalan Hang Tuah. Sampai di sana berjumpa dengan pegawai kredit, pegawai yang hendak menukarkan wang, iaitu seorang pegawai wanita yang bernama Siti Hawa. Natnanya pun sedap. Siti Hawa ini memimpin Pak Cik yang sudah tua yang berusia 70 tahun lebih itu ke dalam dan menerangkan bahwa duit RM1.3 juta ini banyak sangat, hendaklah disimpan separuh dalam Bank, yang ini masuk dalam Tabung Haji dan lain-lain. "Kalau Pak Chik hendak bawa pulang, bawalah setakat RM20 - RM30 sahaja". Dia kata, "Oh! Aku tak mahu. Aku hendak tengok duit RM1.3 juta banyak mana?" Jadi, dia kluarkan satu kereta sorong RM1.3 juta itu. Kemudian dia fikir bagaimana keselamatan orang ini dan berkata, "Macam mana hendak bawa balik?".

Jadi, masing-masing berfikir, kalau keluar sahaja daripada bank ini ke jalan raya, tentulah akan diletupkan dengan pistol, dia akan mati dan wang itu akan habis. Bila dia sudah tengok betul-betul ada berjuta ringgit barulah dia percaya bahawa itu adalah wangnya, barulah dia hendak memikirkannya. Tetapi dia kata, "Jangan masukkan dalam bank dahulu, letakkan di sini". Dia hendak panggil anak-anak yang dia sayang. Nombor satu yang dia sayang ialah anak angkat. Entah apa kena orang cukup sayang kepada anak angkat! Dia hendak berikan duit itu semua. Dia berikan kepada anak angkat semua

anak-anak dan cucu-cicitnya. Separuhnya dia, hendak buat khenduri arwah, baru hendak naikkan batu nisan untuk isterinya. Selama ini tidak ada batu nisan. [Ketawa] Lepas itu dia hendak hajikan isteri dia dan lain-lain...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tak kahwin?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Dia tidak berani kahwin, umur sudah 70 tahun lebih, nanti cepat mati. Kalau dia kahwin janda tua pun dia mati, tak usaha kata kahwin anak dara! [Ketawa] Akhirnya, wangnya tinggal sedikit sahaja daripada RM1.3 juta - tanahnya 3 ekar itu habis. Sebab itulah tidak guna kita mengambil tanah orang Melayu dengan memberikan wang. Begitu juga yang terjadi di Langkawi, seorang sahaja yang kaya. Kemudian tanah-tanah ini, orang yang dapat membuat projek perumahan itu kaya, pertama sekali dia buat pejabat sehebat-hebatnya.

Saya menjadi pengerusi - pengerusi tunggal sahaja! Pemaju ini, dia menjadi pengurus besar, dia duduk dalam sebuah bilik yang indah siap dengan karpetnya lawa-lawa, kemudian P.A. atau 'steno'nya - dia tidak pakai orang Melayu - dia pakai bangsa lain yang warna kulitnya sangat putih seperti sabun yang menampakkan peha di hadapan matanya. Sebagai pengerusi saya hendak masuk sign cek pun dia kata, "Siapa hendak masuk tengok dulu melalui televisyen". Dia beri saya masuk, orang lain tidak boleh masuk. Akhirnya, dia menggunakan segala wang ringgit itu dengan membeli Mercedes besar dan mengikut rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri. Bila Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir ke luar negeri dia pun ikut; semuanya dia ikut. Kemudian kita tengok segala jenis bil-bilnya begitu banyak. Akhirnya, semua sekali pembangunan perumahan itu tergendala, ada

sampai sekarang. Kalau Ahli Dewan Negara mahu pergi ke Melaka, saya boleh tunjukkan. Projek ini tidak dapat dibuat kerana duitnya habis, hutang di Arab Finance sampai RM50 juta. Saya yang menanggung jaminan hampir mati kerana mendapati tanggungan hutangnya itu begitu banyak. Jadi, siapa yang menyain di bank, dialah yang akan membayarnya.

Jadi, keuntungan kepada orang yang menjual tanah pun tidak ada dan keuntungan kepada orang yang memajukan tanah itu pun tidak ada. Lebih baiklah tanah pertanian ini, seperti yang dicadangkan dalam buku ini diubah menjadi tanah buah-buahan dan sayur-sayuran. Sebab kalau bertani menggunakan padi sahaja orang-orang Melayu tidak boleh bangun kerana padi ini lambat sangat mendapatkan hasil. Tidak ada orang yang bekerja sawah menjadi kaya tetapi orang yang mengubah tanaman daripada padi kepada buah-buahan boleh menjadi kaya. Sebab itu, saya lebih suka supaya Kerajaan mengubah segala pembangunan tanah yang terbiar di dalam sawah-sawah dan juga yang terbiar menjadi hutan ditukarkan tanamannya kepada buah-buahan dan sayur-sayuran supaya dengan sayur-sayuran dan tanaman buah-buahan ini, kita dapat makan dengan baik dan badan kita menjadi sihat wal-afiat. Di samping menanam buah-buahan dan juga sayur-sayuran itu, kita membuat kolam ikan supaya kita dapat makan ikan yang paling baik dan juga menggalakkan ternakan lembu, kambing, ayam, itek dan lain-lain supaya kita mendapat makanan hasil daripada yang kita usahakan sendiri.

Saya rasa ada seminit lagi, baiklah saya berhenti untuk memberikan peluang kepada orang lain. Barangkali orang lain dapat

bercakap seminit itu menyebabkan dia boleh sambung esok. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya memberikan ucapan dalam Majlis ini dan saya menyokong penuh usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Timbalan Tang di-Pertua: Saya beri keistimewaan kepada Tuan Rahim Baba untuk bercakap setengah minit dan selepas itu kita sambung esok. Ini satu keistimewaan.

6.29 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Bismillahir-Rahmanir-Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan juga salam sejahtera.
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Rahim bin Baba: Saya ingin turut serta mengambil bahagian untuk membahas dan juga seterusnya menyokong usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keenam yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Tuan Rahim, kita boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam ini akan disambung esok dan esok juga Menteri-menteri akan menjawab. Sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.